

S/J:

si PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat
Daripada Kementerian-Kementerian**

**8 MAC 2011 HINGGA 7 APRIL 2011 SOALAN
NO: 101 HINGGA SOALAN NO: 200**

**CAWANGAN
PERUNDAIMGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

1

■
I

,

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID (PENGERANG)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 7 MAC 2011-7 APRIL 2011

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said (Pengerang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan perancangan dan langkah- langkah yang telah diambil dalam membantu pekerja-pekerja berpendapatan sederhana untuk membeli dan memiliki rumah serta langkah yang diambil untuk membendung masalah harga rumah yang dilihat begitu melambung tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Rumah Pertamaku (Skim) telah di lancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2011 bagi membolehkan pekerja swasta yang berusia 35 tahun ke bawah memohon pinjaman dengan tempoh maksimum pembiayaan selama 30 tahun. Skim ini yang menawarkan 100% pembiayaan oleh bank komersial adalah untuk membantu golongan muda yang

berpendapatan tidak lebih daripada RM3.000 sebulan untuk memiliki

\

rumah sendiri. Skim boleh dipohon oleh pembeli-pembeli mulai 8 Mac 2011 yang lalu.

2. Pembeli-pembeli rumah yang layak boleh memohon pinjaman melalui 25 bank termasuk institusi kewangan Islam bagi membeli rumah berharga di antara RM100,000 hingga RM220,000. Di antara kriteria kelayakan adalah:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Pembelian untuk rumah pertama;
- c) Individu berumur 35 tahun dan ke bawah;
- d) Pendapatan individu tidak melebihi RMS,000 sebulan;
- e) Berjawatan tetap, telah disahkan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan dengan majikan yang sama; dan
- f) Ansuran bulanan tidak melebihi 1/3 daripada pendapatan bulanan.

3. Golongan muda yang menjadi kakitangan awam adalah tidak layak memohon skim ini memandangkan kakitangan awam mempunyai kemudahan pinjaman perumahan yang disediakan oleh Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]

SOALAN:

TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah pelaksanaan Economic Transformation Programme akan meningkatkan keadaan hidup dan peluang ekonomi orang ramai dan apakah program yang telah dijalankan.

JAWAPAN:

Dengan pelaksanaan 12 NKEA, hasil daripada makmal yang dijalankan dijangka sebanyak 3.3 juta pekerjaan akan terhasil di mana majoriti daripadanya terdiri daripada pekerjaan medium income dan high income. Daripada 3.3 juta pekerjaan tersebut;

**NKEAs will create 3 Jm Jobs most of wfiicfa will be medium-
fncome or high-income Jobs**

2020 Retirement by Salary Bracket

Low income Medium income " ? + 1 High
income

1.1

0.9

0.7

0.3

0.1

-
- 300,000 orang pada 2009, kepada 1.2 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM7.000 hingga RM 10,000 (peningkatan sebanyak 800,000 orang)

2 100,000

(atau

4%)

pekerja

an

dengan

pendap

atan

bawah

RM1.00

0

dihasilk

an

- 1.1 juta (atau 33%) pekerjaan dengan pendapatan antara

RM1,00

0

hingga

RM2.00

0

dihasilk

an

- 900,00

0 (atau 27%) pekerjaan dengan pendapatan antara

RM2.00

0

hingga

RM4.00

0

dihasilk

an

- 700,00

0 (atau 21%) pekerjaan dengan pendapatan antara

RM4,00

0

hingga

RM7.00

0

'as?««»} a-asoa 2: « - 2*,2033 -53,
S'aresJ 3: =?« - «i232G -aa 'sy?

* -3 j

Sradsai £7k- l\$C \$%m tsai
a- T as * }
it J '5* > TI ran ; (23.W/2CWS

PEMAKFOU

dihasilk

an

- 300,00

0 (atau 10%)pekerjaan denganpendapatan antara

RM7,00

0

hingga

RM10,0

00

dihasilk

an

- 200,000

(atau

5%)

pekerja

an

dengan

pendap

atan

lebih

daripad

a

RM10,0

00

dihasilk

an

Selanjutnya, perkara tersebut akan menyebabkan peningkatan keseluruhan terhadap rakyat yang berpendapatan rendah ke berpendapatan pertengahan (*medium income*), dan daripada berpendapatan pertengahan ke berpendapatan tinggi (*high income*).

SOALAN NO. (1 0 3)

- 200,000 orang pada 2009, kepada 600,000 orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan lebih daripada RM10,000 (peningkatan sebanyak 400,000 orang)

Sejak Program Transformasi Ekonomi dilancarkan pada Disember 2010, pencapaiannya adalah seperti berikut:

- 60 projek di bawah 46 EPP telah diumumkan dan dilancarkan
- Hasil daripada itu, RM95.4 bilion telah dilaburkan oleh sektor swasta (jumlah ini termasuk pelaburan dalam negeri atau *Domestic Direct Investment (DDI)* dan pelaburan daripada luar negara atau *Foreign Direct Investment (FDI)*)
- Akan menyumbang sebanyak RM137.2 bilion Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang tahun 2020
- Sebanyak 224,358 peluang pekerjaan akan terwujud hasil daripada 37 projek tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

BERTULIS

DARI PAD A

Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALORGAJAH]

SOALAN

Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan yang diedarkan kepada penempatan kampung baru sejak tahun 2005.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2005 sehingga 2010, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperuntukkan sebanyak RM309.3 juta untuk pembangunan projek- projek kecil Kampung Baru di

Semenanjung Malaysia meliputi projek untuk membina/menaik taraf jalan/longkang, dewan/balai raya, bumbung gelanggang dan taman rekreasi.

Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2011

RT 13/
No.
104

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK IR. ONG TEE KEAT
[PANDAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK IR. ONG TEE KEAT [PANDAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sekolah-sekolah menengah bantuan Kerajaan (atau Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan) yang tapaknya bukan milik Kerajaan boleh dapat layanan yang sama seperti SMK dari segi pembiayaan penyelenggaraan dan naik-taraf. Jika ya, berapa jumlah yang terlibat sejak tahun 2005. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Semua sekolah di Malaysia menerima peruntukan yang sama. Malah peruntukan bagi Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) termasuklah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang berdaftar dengan KPM diberi peruntukan bantuan dari semasa ke semasa seperti bantuan dari Pakej Rangsangan Ekonomi 1 & 2. SBK ini juga turut menerima peruntukan bantuan modal untuk pembangunan fizikal melalui Butiran Bantuan Modal

SOALAN NO. (1 0 3)

dalam Rancangan Malaysia. Bagi sekolah kerajaan pula peruntukan dari pembiayaan dan naik taraf menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia.

Kementerian telah menyediakan peruntukan di bawah Projek Dua Tahun Pertama RMKe-10 (1st Rolling) sebanyak RM270 juta bagi membantu SBK yang menghadapi masalah dari segi kerosakan dan keperluan kemudahan. Bantuan ini disalurkan berdasarkan permohonan yang telah dibuat oleh pihak sekolah. Walau bagaimanapun, berikutan peruntukan adalah terhad dan permohonan dari sekolah-sekolah adalah melebihi peruntukan yang ada, KPM memberikan keutamaan kepada kes-kes kecemasan dan kritikal terlebih dahulu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PAD A DATUK IR. ONG TEE KEAT

SOALAN [PANDAN]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan bagi projek-projek pembangunan di kawasan Parlimen Pandan bagi tempoh 2008-2010. Senaraikan projek-projek yang dimaksudkan dengan peruntukan terperinci.

JAWAPAN

Bagi tempoh 2008-2010, sebanyak RM80.2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 11 projek di kawasan Parlimen Pandan. Senarai projek pembangunan bagi kawasan parlimen tersebut adalah seperti di Lampiran I.

LAMPIRAN I

SENARAI PROJEK RMKe-9 PARLIMEN PANDAN

BIL	KEMENTERIAN	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	SUING PROJEK	PERUNTUKAN THN 2008	PERUNTUKAN THN 2009	PERUNTUKAN THN 2010	JUMLAH PERUNTUKAN THN 2008-2010
1	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	P22006112360000	PUSATGIAT PANDAN	400,000.00	500,000.00	0.00	0.00	500,000.00
2	Kementerian Kesihatan	P42009020250010	KUARTERS HOSPITAL AMPANG PELBAGAI KELAS 100D,150F,179G (429 UNIT)	80,000,000.00	19,178,703.00	44,847,513.00	2,000,000.00	66,026,216.00
3	Kementerian Pelajaran	P41013000290197	SK TAMAN TASIK	50,000.00	50,000.00	13,700.00	0.00	63,700.00
4	Kementerian Pelajaran	P41013000290199	SK TAMAN MUDA	50,000.00	50,000.00	13,700.00	0.00	63,700.00
5	Kementerian Pelajaran	P41001020104006	SJK(C) ONN PONG 2	4,631,794.80	0.00	0.00	1,111,631.00	1,111,631.00
6	Kementerian Pelajaran	P41001020108027	SK TAMAN NIRWANA	2,262,870.00	100,000.00	1,605,071.36	694,980.85	2,400,052.21
7	Kementerian Pelajaran	P41008000100033	RUMAH GURU SMK PANDAN INDAH	2,176,000.00	2,305,300.00	1,385,230.00	3,764,290.00	7,454,820.00
8	Kementerian Pelajaran	P41035020100088	SMK TAMAN SERAYA	160,685.00	196,560.00	52,223.31	62,645.00	311,428.31
9	Kementerian Pelajaran	P41035020100120	SMK PANDAN MEWAH	152,793.41	105,592.00	52,223.31	62,645.00	220,460.31
10	Kementerian Pelajaran	P41035020100122	SMK PANDAN JAYA	152,793.41	187,925.00	52,223.31	62,645.00	302,793.31
11	Kementerian Pengajian Tinggi	P49050020270000	PEROLEHAN ASRAMA DI PANDAN MEWAH	1,750,000.00	0.00	1,750,000.00	0.00	1,750,000.00
				91,786,936.62	22,674,080.00	49,771,884.29	7,758,836.85	80,204,801.14

No. Soalan : 106

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA DATUK IR. ONG TEE KEAT

SOALAN

Datuk Ir. Ong Tee Keat [Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bercadang melesenkan satu atau lebih lagi pengusaha kereta api antara bandar atau metro bagi menyaingi khidmat KTMB. Jika ya, nyatakan jadual dan keperinciannya. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tidak mempunyai apa-apa halangan kepada mana-mana syarikat pengusaha kereta api yang lain untuk mengadakan perkhidmatan antarabandar.

Buat masa ini, terdapat 3 jenis perkhidmatan kereta api antarabandar yang sedang menggunakan laluan sedia ada KTMB dari Johor Bharu ke Padang Besar iaitu :

- (i) Perkhidmatan KTMB Antarabandar
- (ii) Perkhidmatan ETS (anak syarikat KTMB)
- (iii) Perkhidmatan Eastern & Oriental Express
(pengusaha kereta api daripada Singapura yang menggunakan khidmat lokomotif dan pemandu KTMB)

Jadual kekerapan perkhidmatan :

- (i) Perkhidmatan KTMB Antarabandar setiap hari merangkumi beberapa ialuan perjalanan:
 - JB - Butterworth: 1 perjalanan sehala (ulang-alik=2)
 - JB - KL : 3 perjalanan sehala (ulang-alik=6)
 - KL- Padang Besar: 1 perjalanan sehala(ulang-alik=2)
 - Tumpat - Singapura : 2 perjalanan sehala(ulang-alik=4)

- Tumpat- KL : 1 perjalanan sehala (ulang-alik=2)
- (ii) Perkhidmatan ETS (KL-lpoh) sebanyak 6 perjalanan sehala sehari. (ulang alik berjumlah 12 perjalanan)
- (iii) Perkhidmatan Eastern & Oriental Express (Bangkok-KL-Singapura) sebanyak 1 atau 2 perjalanan setiap bulan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARI PAD A : Y.B. DATUK IR. ONG TEE KEAT [PANDAN]

SOALAN :

DATUK IR. ONG TEE KEAT (PANDAN) minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada konsesi penswastan eksklusif bagi pemeriksaan kenderaan komersil yang dimiliki PUSPAKOM telah dilanjutkan lagi tempohnya dari 5 tahun kepada 15 tahun. Jika ya, apa justifikasinya. Mengapa hak eksklusif itu terus terpelihara.

CADANGAN JAWAPAN

Kerajaan pada 14 Februari 2007 bersetuju supaya konsesi penswastan eksklusif bagi pemeriksaan kenderaan komersil yang dimiliki PUSPAKOM dilanjutkan tempoh selama 15 tahun dengan syarat konsesi baru ini dikaji semula setiap 5 tahun sekali. Walau bagaimanapun, berdasarkan pertimbangan semula ke atas kuasa dan fungsi Kerajaan yang telah diperturunkan kepada PUSPAKOM, Kerajaan pada 19 Februari 2011 bersetuju supaya lanjutan tempoh konsesi selama 15 tahun diberi secara hak eksklusif kepada PUSPAKOM dan berkuat kuasa dari tarikh lanjutan konsesi, iaitu bermula 1 September 2009. Perjanjian konsesi baru telah ditandatangani antara Kerajaan dan PUSPAKOM pada 27 Februari 2011. Perjanjian konsesi tersebut telah diperkemas dan ditambahbaik dengan dimasukkan banyak klausa baru seperti penetapan Penunjuk Utama Prestasi

SOALAN NO.: 107

bagi memastikan kepentingan pengguna khususnya, dan Kerajaan amnya, adalah terpelihara pada setiap masa.

Penswastan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan komersial secara berkomputer melibatkan 3 fungsi dan kuasa Kerajaan yang telah diperturunkan kepada PUSPAKOM. Pertama. perkhidmatan pemeriksaan yang dilaksanakan oleh JPJ serta kuasa yang berkaitan dengannya, kedua. mengambil alih kakitangan JPJ yang terlibat dan ketiga, diberi kuasa mengeluarkan sijil pemeriksaan kenderaan komersial.

Di sebalik hak eksklusif tersebut, di bawah perjanjian konsesi PUSPAKOM, keperluan pembinaan pusat pemeriksaan baru dan menaik taraf peralatan pemeriksaan, tertakluk kelulusan Kerajaan, adalah keputusan komersial syarikat semata-mata. Dengan demikian, kos modal dan operasi ditanggung sepenuhnya oleh PUSPAKOM termasuk risiko perniagaan, pembiayaan pinjaman dan suntikan ekuiti syarikat tanpa tanggungan liabiliti oleh Kerajaan. Di samping itu, permohonan semakan caj dan kutipan yuran pemeriksaan kenderaan komersial yang boleh dikemukakan selepas tahun kelima perjanjian adalah tertakluk kepada kelulusan muktamad Kerajaan dan sekiranya tidak diluluskan, syarikat tidak dibenar untuk menuntut sebarang bayaran pampasan. Peruntukan sedemikian dengan jelas tidak mengikat Kerajaan dalam membuat sebarang pertimbangan berhubung daya maju projek atau menjamin pelaburan PUSPAKOM ke atas pembinaan pusat pemeriksaan yang baru.

NO.SOALAN : 108

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARI PAD ADATUK IR. ONG TEE KEAT [PANDAN]

TARIKH

SOALAN:

Datuk Ir. Ong Tee Keat [Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersedia mengiktiraf kelayakan

akademik universiti-universiti Republik Rakyat China mengikut perakuan MQA dan Kementerian Pengajian Tinggi. Jika ya, nyatakan jadual dan keperinciannya. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah merupakan Urus Setia kepada Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTTPK) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi dan dianggotai oleh:

- i. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
- ii. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- iii. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran;
- iv. Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi;
- v. Ketua Pengarah Kesihatan;
- vi. Ketua Pengarah Kerja Raya;
- vii. Ketua Pengarah Pertanian;
- viii. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia (Pembangunan);
- ix. Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan IPT;
- x. dan Naib Canselor universiti-universiti awam.

Tujuan kelulusan pengiktirafan kelayakan oleh JTPPK adalah bagi maksud pelantikan dalam Perkhidmatan Awam. Oleh itu, semua permohonan pengiktirafan dari mana-mana universiti di luar negara termasuk dari Republik Rakyat China akan dibuat pertimbangan oleh Jawatankuasa tersebut. Justeru itu, JTPPK bersedia mempertimbangkan permohonan dari mana-mana institusi pengajian tinggi di luar Negara tertakluk kepada keperluan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Sehingga kini, Kerajaan melalui JTPPK telah bersetuju mengiktiraf kelayakan-kelayakan berikut:

a) PENGAJIAN BAHASA CINA

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Cina dari *Beijing Foreign Studies University (BFSU)*;
2. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Cina dari *Beijing Language and Culture University (BLCU)*; dan
3. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Cina dari *Shanghai University of Traditional Chinese Medicine (SHUTCM)*.

b) PENGAJIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

1. *Bachelor of Chinese Medicine (Clinical Medicine)* dari Nanjing *University of Chinese Medicine (NUCM)*; dan
2. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Cina dari *Tsinghua University*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PAD A : Y.B. DATUK DR TEKHEE@TIKI ANAK LAFE
[MAS GADING]

SOALAN :

Datuk Dr Tekhee@Tiki anak Lafe (Mas Gading) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perancangan jangka panjang bagi menyelesaikan masalah penduduk Kampung Serikin, Sarawak akibat aktiviti perniagaan hujung minggu yang majoritinya dikuasai oleh rakyat negara jiran yang dibenarkan masuk terus ke dalam kampung tersebut.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan mempunyai pertimbangan jangka panjang bagi menyelesaikan masalah penduduk Kampung Serikin Sarawak akibat kemasukan peniaga dari negara jiran pada hujung minggu. Pada masa kini kerajaan membenarkan penggunaan Pas Lintas Batas bagi peniaga negara jiran memasuki negara ini. Meskipun demikian, penggunaan Pas Lintas Batas hanya dibenarkan di dalam daerah Bau sahaja dan tidak dibenarkan memasuki ke daerah lain. Selain daripada itu, penguatkuasaan turut dipertingkatkan bagi mengawal kemasukan peniaga dari negara jiran agar peluang-peluang perniagaan yang sama juga diberi keutamaan pada penduduk tempatan untuk turut serta dalam aktiviti perniagaan.

Satu kajian menyeluruh akan dilaksanakan bagi mencari jalan penyelesaian terhadap isu kampung Serikin yang berbangkit. Kajian ini akan melibatkan agensi pusat dan negeri merangkumi kajian sosio-ekonomi dan impak ekonomi terhadap aktiviti perniagaan kepada masyarakat setempat. Perbincangan dengan pihak negara jiran juga akan diteruskan melalui mesyuarat bilateral yang sedia ada bagi mengatasi masalah isu berbangkit.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
[MAS GADING]

SOALAN

Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan Perancangan Kerajaan yang lebih menyeluruh bagi mengurangkan kesan buruk bencana seperti banjir yang baru- baru ini kerap melanda beberapa tempat di negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan holistik untuk mengurangkan kejadian banjir melibatkan penyediaan pelan induk tebatan banjir dan rekabentuk terperinci sebelum rancangan tebatan banjir (RTB) dilaksanakan. Tujuan penyediaan pelan induk tebatan banjir adalah untuk mengkaji punca- punca kejadian banjir dan mencadangkan syor-syor RTB yang sesuai. Susulan daripada itu, rekabentuk terperinci akan dijalankan untuk menyediakan pelan- pelan kejuruteraan sebelum pelaksanaan projek di tapak. Jumlah projek tebatan banjir yang dilaksanakan bergantung kepada peruntukan yang diberikan kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), pihak JPS telah menyediakan lima (5) pelan induk tebatan banjir. Dalam RMKe-10, dua (2) pelan induk tebatan banjir dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
[MAS GADING]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [MAS GADING] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah aspek-aspek keselamatan di titikberatkan dalam pengajaran ICT atau teknologi maklumat (komputer) kepada pelajar sekolah di negara ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan aspek keselamatan semua warga sekolah yang merupakan salah satu komponen dalam Program 3K (Kebersihan, Keceriaan dan Keselamatan). Misi Program 3K ialah Sekolah akan merealisasikan dan membudayakan komponen kebersihan,kesihatan dan keselamatan

Program 3K merupakan satu program yang menjurus ke arah menghasilkan suasana persekitaran sekolah yang memberangsangkan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam semua mata pelajaran di sekolah termasuklah mata pelajaran Teknologi Maklumat. Secara amnya jika ketiga-tiga elemen ini diterapkan ke dalam suasana persekitaran sekolah, sudah pasti para guru dan pelajar akan menjadi lebih selesa, selamat dan berkeyakinan dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid turut didedahkan dengan manual dan prosedur keselamatan selain latihan dengan tujuan mereka tahu perkara yang sepatutnya dilakukan sekiranya berlaku sesuatu kejadian yang tidak diingini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN

JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
[MAS GADING]

TARIKH : 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN :

YB Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah perbelanjaan bagi program GEMPUR NKRA yang dilaksanakan baru-baru ini dan namakan Syarikat-syarikat pembekal tilam dan bantal dan apakah sebab semua barang tersebut yang diagihkan di Sarawak terpaksa diimpot dari Semenanjung. JAWAPAN

Program Kemasyarakatan 1AZAM melalui Program Gempur NKRA di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah telah dilaksanakan pada bulan November dan Disember 2010 di seluruh negara. Program penyampaian bantuan kemasyarakatan ini melibatkan pengagihan bantuan seperti keperluan asas golongan berpendapatan rendah yang telah berjaya diedarkan ke seluruh Malaysia. Perbelanjaan bagi program Gempur NKRA adalah mengikut peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Pelantikan pembekal tilam dan bantal adalah melalui syarikat panel kontrak pusat yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa komited dalam merealisasikan sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah. Justeru, program kemasyarakatan yang dijalankan adalah usaha murni bagi mendekati rakyat berpendapatan rendah dan seterusnya

menghayati kehidupan mereka yang penuh dengan liku dan cabaran.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATUK DR. TEKHEE @ TIKI
ANAK LAFE

KAWASAN : MAS GADING

SOALAN:

Y.B. DATUK DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peruntukan terkini yang dikhususkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan persekutuan di seluruh negara dan adakah pihak Kementerian menentukan tahap minima kerja-kerja baik pulih dan menurap semula jalan yang rosak supaya sentiasa selamat bagi pengguna.

JAWAPAN:
Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2011 Kementerian Kerja Raya telah menerima peruntukan sebanyak RM579 juta untuk menyelenggara sepanjang 16,950 kilometer Jalan Persekutuan di seluruh negara. Walaupun peruntukan yang diterima agak terhad, kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa berusaha dan mengambil langkah proaktif bagi memastikan jalan raya di negara ini sentiasa diselenggara dengan baik dan memuaskan, iaitu menerusi prinsip nilai terbaik untuk wang (*best value for money*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kerja-kerja baik pulih dan menurap semula jalan yang rosak dilaksanakan dengan efisien, JKR telah menggunakan aplikasi Sistem Pengurusan Turapan sebagaimana yang disarankan oleh Bank Dunia, iaitu *Road Asset Management System - Highway Development and Management Version 4 (RAMS-HDMA)*. Berdasarkan aplikasi ini, JKR akan dapat menentukan keutamaan sesuatu kerja penyelenggaraan, iaitu mengambil kira beberapa kriteria dan penanda aras yang ditetapkan, seperti keluasan keretakan jalan, Nilai Indeks Kekasaran Jalan (*International Roughness Index: IRI*), nilai mendapan di laluan tayar kenderaan (*rutting*), ketebalan dan kekuatan lapisan struktur jalan dan baki jangka hayat jalan (*residual life*).

Data-data ini bersama data kadar aliran trafik semasa akan dianalisis bagi tujuan pemilihan lokasi mengikut senarai keutamaan dan nisbah kos-faedah terbaik kepada Kerajaan. Di antara kaedah pembaikan jalan yang

dilaksanakan oleh JKR ialah penurapan semula jalan, *mill and pave*, membina semula (*reconstruction*) dan kitar semula (*recycling*) jalan. Menerusi aplikasi ini, peruntukan Kerajaan bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya dapat dibelanjakan secara optimum dan seterusnya memberikan impak kepada pengguna.

Sekian. Terima kasih.

RT 15/
No.
114

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN
[LIPIS]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah terkini pelajar Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di seluruh negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Data Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sehingga 31 Januari 2011 menunjukkan jumlah murid Melayu di SJKC dan SJKT adalah seperti berikut:

JENIS SEKOLAH	LELAKI :	PEREMPUAN	JUMLAH MURID
SJKC	28,037	29,371	57,408
SJKT	152	143	295

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM
BIN OSMAN [LIPIS]**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 7.03.2011 -7.04.2011

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah benar kepentingan Bumiputera dalam semua projek pembangunan UDA Holdings Berhad terus dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, matlamat utama penubuhan UDA Holdings Berhad (UDA) adalah untuk membantu Bumiputera mempunyai sekurang-kurangnya 30% daripada kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam semua peringkat. Berlandaskan matlamat tersebut, UDA sentiasa memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor dan perunding-perunding Bumiputera untuk menyertai setiap pembangunan yang dilaksanakan.

2. Sehubungan itu, sejak tahun 1996 sebanyak 392 kontrak pembinaan dengan nilai berjumlah RM1.41 bilion dan 322 perkhidmatan juruperunding dengan nilai berjumlah RM78.7 juta telah diberikan kepada Bumiputera. UDA juga sentiasa memberi

keutamaan kepada Bumiputera dalam pemilikan rumah dan premis perniagaan yang dibina sebelum dibuka tawaran kepada bukan Bumiputera. Keutamaan juga diberikan kepada Bumiputera dalam penyewaan ruang-ruang perniagaan dan pejabat milik UDA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.

DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM

BIN OSMAN [LIPIS]

SOALAN

Dato' Dr. Mohamad Shahrumbin Osman [Lipis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bila dan di mana projek Jabatan Pesakit Luar Hospital Kuala Lipis akan dilaksanakan memandangkan kawasan hospital sekarang terlalu sempit.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang untuk membina Klinik Kesihatan Jenis 3 Bandar Lipis dalam *Second Rolling Plan* (tahun 2013 - 2015) Rancangan Malaysia Ke-10 di atas tapak milik Kementerian Kesihatan Malaysia di lokasi Bandar Baru Lipis. Dengan pembinaannya nanti, ianya akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada pesakit di bandar Lipis dan daerah Lipis pada amnya. Antara perkhidmatan utama yang dirancang ialah perkhidmatan pesakit luar perkhidmatan kesihatan keluarga, perkhidmatan pergigian, perkhidmatan x-ray, perkhidmatan rehabilitasi, perkhidmatan pengimejan diagnostik dan perkhidmatan sokongan yang lain. Perkhidmatan Pesakit Luar sediada di Hospital Lipis akan dipindahkan ke Klinik Kesihatan Bandar Lipis sebaik sahaja ianya beroperasi.

M • // ?

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KE-4, PARLIMEN KE-12

PERTANYAAN BUKANJAWAB LISAN(BERTULIS)

SOALAN NO. 117. M/S. 50

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan bila projek Kompleks Sukan yang dijanjikan pada tahun 2004 akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Lipis.

JAWAPAN

Buat masa ini Kementerian Belia dan Sukan tiada sebarang perancangan untuk membina kompleks sukan di kawasan Parlimen Lipis dalam RMK-10. Walau bagaimanapun Kementerian telah membina 1,222 buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia di seluruh negara di mana setiap DUN mendapat sekurang-kurangnya dua buah gelanggang. Bagi Parlimen Lipis, sebanyak 7 buah gelanggang telah dibina seperti berikut:

- (i) DUN Padang Tengku
 - a) Kg Merapoh Mukim Bt. Yon
 - b) Kampung Pagar Sasak
- (ii) DUN Cheka
 - a) Kg. Penjom Mukim Kuala Lipis
 - b) Kg. Mela Mukim Cheka 1
 - c) Kg. Jeram Landak
- (iii) DUN Benta
 - a) Kg. Benta Mukim Budu
 - b) KM 45 Jalan Jerantut

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA YB DATO' DR. MOHAMAD
SHAHRUM BIN OSMAN**

(LIPIS)

TARIKH

SOALAN : 118

Minta **Menteri kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan status pelaksanaan jalan luar bandar di Bandar Baru Kuala Lipis melalui Kuala Kechau dan Matuk ke Kuala Kenong

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah menyenaraikan projek jalan luar bandar di Bandar Baru Kuala Kechau dan Matuk ke Kuala Kenong, Lipis Pahang dibawah *Rolling Plan II* RMKe-10 dengan anggaran kos berjumlah RM 2.75 juta dan pelaksanaannya dijangka dimulakan pada tahun 2013.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk setiap tahun dari 2016-2030:-

(a) anggaran tambang yang akan dikenakan untuk perkhidmatan MRT dan jumlah hasil tambang yang akan dikutip; dan

(b) anggaran kos dan butiran pengurusan perkhidmatan MRT dan jumlah anggaran defisit perbelanjaan setiap tahun.
Tuan Yang Dipertua,

(a) Tambang bagi perkhidmatan sistem MRT masih belum diputuskan lagi. Namun begitu, adalah menjadi tujuan kerajaan untuk menyediakan kemudahan pengangkutan kepada rakyat dengan mengenakan tambang yang berpatutan serta mampu untuk digunakan oleh segenap lapisan masyarakat. Jumlah hasil tambang berdasarkan unjuran penggunaan hanya akan dapat dikenal pasti selepas struktur tambang ini diperinci dan dimuktamadkan.

(b) Kos projek masih ditahap penilaian memandangkan jajaran belum lagi

JAWAPAN

dimuktamadkan (sehingga berakhirnya Pameran Awam Skim Keretapi) dan rekabentuk asas sedang dikaji untuk tujuan pengoptimuman kos implementasi. Dalam masa yang sama juga, Kajian Pengurusan Nilai (Value Management Study) juga sedang berjalan. Antara elemen penting kajian ini adalah untuk memaksimumkan perolehan melalui aktiviti-aktiviti bukan jualan tiket, contohnya, pengiklanan dan sewa ruang komersil. Objektif VMS ini adalah untuk memastikan pulangan optima yang membolehkan kos urusan operasi MRT ini dilaksanakan secara "sustainable", iaitu tanpa atau dengan meminimalkan sebarang defisit perbelanjaan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS,
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAIMI

WEE

(PETALING JAYA UTARA)

TARIKH

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan senarai universiti luar negeri yang pemegang biasiswa MARA Sarjana Muda dan jumlah penuntut yang dihantar setiap tahun sejak 2000 untuk setiap universiti. Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak tahun 2000 sehingga tahun 2010, MARA telah menaja seramai **11,571 pelajar** peringkat Sarjana Muda di

JAWAPAN

24 buah negara. Pecahan jumlah pelajar mengikut negara adalah seperti berikut:-

Bil	Negara	Jumlah Universiti	Jumlah Pelajar
1.	Australia	38	1,202
2.	Kanada	13	68
3.	China	3	37
4.	Republic Czech	3	153
5.	Mesir	7	1,550
6.	Perancis	15	162
7.	India	16	739
8.	Indonesia	22	1,418
9.	Jepun	9	14
10	Jordan	5	331

11.	Korea	3	4
12.	Belanda	2	2
13.	New Zealand	10	373
14.	Pakistan	4	11
15.	Poland	2	38
16.	Ireland	9	809
17.	Russia	7	693
18.	Singapura	1	1
19.	Sepanyol	5	18
20.	Sweden	1	1
21.	Ukraine	1	134
22.	United Kingdom	125	2,504
23.	Amerika Syarikat	95	1,002
24.	Jerman Barat	34	307
JUMLAH		430	11,571
KESELURUHAN			

NO.AUM : 121

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAG(BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARI PAD A TUAN TONY PUA KIAM
WEE [PETALING JAYA
UTARA]**

TARIKH

RUJUKAN 3492

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan dengan jadual terperinci mengenai
indeks kadar jenayah

- (a) mengikut kawasan di negeri Selangor dan jenis jenayah
dari 2005 ke 2009; dan
- (b) mengikut negeri di Malaysia dan jenis jenayah dari 2005
ke 2009.

JAWAPAN
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jenayah Indeks adalah Jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai signifikan kepada petunjuk keadaan jenayah. Ianya dikategorikan kepada Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda;

Jenayah Kekerasan adalah jenayah yang melibatkan bunuh, rogol, samun berkawan bersenjatapi, samun berkawan tanpa senjatapi, samun bersenjatapi, samun tanpa senjatapi dan mendatangkan cedera. Manakala Jenayah Harta Benda pula merangkumi jenayah curi, curi lori dan van, curi motokar, curi motosikal, ragut, pecah rumah dan curi siang hari serta curi malam hari.

Tuan Yang Dipertua,

Analisis ke atas statistik jenayah indeks menunjukkan jumlah kes di negeri Selangor pada tahun 2005 adalah sebanyak 20,999 kes, 48,866 kes dalam tahun 2006, tahun 2007 sebanyak 57,963 kes, tahun 2008 berjumlah 57,990 kes, tahun 2009 sebanyak 54,994 kes telah dilaporkan dan 49,469 kes dalam tahun 2010.

Jenayah Indeks di seluruh negara pula, perangkaan menunjukkan dalam tahun 2005 sebanyak 97,616 kes telah dilaporkan, 196,780 kes dalam tahun 2006, 209,582 kes dalam tahun 2007, 211,645 kes dalam tahun 2008. Ianya turun kepada 209,817 kes pada tahun 2009 dan turun lagi kepada 177,520 kes dalam tahun 2010.

Pada akhir tahun 2009 kerajaan telah menubuhkan makmal jenayah untuk mencari penyelesaian dan melancarkan pelbagai inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA di Kementerian Dalam Negeri. Ianya bertujuan mengurangkan kadar jenayah indeks sebanyak 5% dan jenayah jalanan sebanyak 20%.

Tindakan kerajaan ini telah mendatangkan hasil yang memberangsangkan. Di negeri Selangor jenayah indeks telah menurun dari 54,994 kes dalam tahun 2009 kepada 49,469 kes dalam tahun 2010, iaitu menurun sebanyak 13%. Manakala jenayah indeks seluruh negara juga telah mencatatkan penurunan yang jelas dimana sebanyak 32,297 kes atau 15% telah berjaya dikurangkan.

Bil.	Syarikat	2011 (RM bilion)	2012 (RM bilion)
1.	Pembinaan BLT Sdn Bhd	3.0	3.5
2.	Pengurusan Aset Air Bhd	2.9	0.4
3.	Syarikat Prasarana Negara Bhd	4.5	2.0

(b) Setakat ini, tiada pinjaman dan bon yang akan diterbitkan oleh pihak swasta pada tahun 2011 dan 2012 diberikan jaminan oleh Kerajaan Persekutuan.

More Auction Calendar

issues	Target Quarter	Target ** IVtonih	Target Year	Issue Date	Amount (RM Million)	Remarks
10.5-year New Issue of MGS (Mat on 07/21)	First	January	2011	14/01/2011	3,500.00	
10.5-year New Issue of MGS (Mat on 07/21)	First	January	2011	14/01/2011	3,000.00	*Via private placement
3.5-year New Issue of MGS (Mat on 08/14)	First	February	2011	14/02/2011	4,500.00	-
7.5-year New Issue of Gil (Mat on 08/18)	First	February	2011	28/02/2011	3,500.00	-
7.5-year New Issue of Gil (Mat on 08/18)	First	February	2011	28/02/2011	2,000.00	*Via private placement
5.5-year Re-opening of MGS 09/16 4.262%	First	March	2011	15/03/2011	4,000.00	~
3.5-year New Issue of Gil (Mat on 09/14)	First	March	2011	-	-	-
15-year New Issue of MGS (Mat on 04/26)	Second	April	2011	*	-	■
15-year New Issue of MGS (Mat on 04/26)*	Second	April	2011	■	*	*Via private placement
10-year New Issue of Gil (Mat on 04/21)	Second	April	2011	-	-	-
10-year New Issue of Gil (Mat on 04/21) *	Second	April	2011	■	"	*Via private placement
7-year Re-opening of MGS 09/17 4.012%	Second	May	2011			
5.5-year Re-Opening of Gil 11/16 3.820%	Second	May	2011	-	-	-
10-year Reopening of MGS (Mat on 07/21)	Second	June	2011	-	-	-
20-year New Issue of MGS (Mat on 06/31)	Second	June	2011	-	-	~
20-year New Issue of MGS (Mat on 06/31)*	Second	June	2011	~	-	*Via private placement
5-year Re-opening of MGS 09/16 4.262%	Third	July	2011	~	■	-
10-year Reopening of Gil (Mat on 04/21)	Third	July	2011	-	-	-
10-year Reopening of GH (Mat on 04/21)	Third	July	2011			*Via private placement
15-year Reopening of MGS (Mat on 04/26)	Third	August	2011		■	
15-year Reopening of MGS (Mat on 04/26)*	Third	August	2011	~	*	*Via private placement

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BUKAN LISAN

DARIPADA: TUAN TONY PUA KIAM WEE

[PETALING JAYA UTARA]

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan terkini projek-projek yang telah diumumkan oleh Kerajaan dalam Bajet 2011 sebagai projek strategik berimpak tinggi termasuk KLIFD, pembangunan tanah Lembaga Getah Malaysia di Sg. Buloh dan Warisan Merdeka.

CADANGAN JAWAPAN:

1. Warisan Merdeka

Untuk makluman, pelaksanaan pembangunan strategik berimpak tinggi seperti Kuala Lumpur International Financial District (KLIFD), Warisan Merdeka dan pembangunan tanah di Sungai Buloh adalah merupakan pembangunan jangka panjang. Contohnya, pembangunan Warisan Merdeka oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang hanya akan siap sepenuhnya menjelang tahun 2020. Pembangunan strategik seperti ini akan memberikan manfaat bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi bahkan akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan untuk rakyat.

Projek Warisan Merdeka ini melibatkan pembangunan bercampur berkonsep bangunan hijau, di atas tapak seluas 19 ekar untuk tempoh pembangunan selama 10 tahun. Pembangunan Warisan Merdeka ini juga turut mempunyai unit-unit kondominium dan kompleks membeli-belah, di samping mengekalkan Stadium Merdeka dan Stadium Negara sebagai bangunan *heritage*.

2. KLIFD

Perlaksanaan projek hartanah strategik KLIFD yang kini sedang giat dijalankan merangkumi pelbagai aspek. Visi KLIFD ialah untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global. Sektor kewangan memerlukan pendekatan holistik untuk menjadi landasan utama ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Pendekatan holistik

yang dimaksudkan merangkumi bukan sahaja perancangan induk, malah turut meliputi pembinaan rangkaian hubungan antarabangsa untuk menyokong pembangunan-pembangunan strategik yang dirancang.

1 Malaysia Development Bhd (1MDB), sebagai pemaju induk, kini sedang memuktamadkan pemilihan perancang dan pelan induk. Pelan induk ini melangkaui pelan pembangunan hartanah dalam kata lazimnya. Pembangunan ini akan turut mengambil kira faktor-faktor tertentu yang bakal melonjakkan KLIFD sebagai hab kewangan global, seperti infrastruktur yang menyokong rangkaian hubungan peringkat tempatan dan antarabangsa, kemudahan yang mampu menarik masuk tenaga kerja profesional berkualiti tinggi dan lain-lain lagi. Ia juga bermatlamat untuk menjadi penanda aras (*benchmark*) dari segi perancangan bandar dan pembangunan mampan dan mesra alam.

3. Lembaqa Getah Malaysia (LGM)

Perkembangan terkini bagi Cadangan Pembangunan Tanah LGM di Sg. Buloh, Selangor adalah agensi-agensy yang terlibat sedang di peringkat akhir rundingan perjanjian jual beli tanah LGM dan dijangka selesai pada akhir bulan April 2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN :BUKAN LISAN
DARIPADA DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]

DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [LENGGONG] minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan

- (a) barangan yang mudah mengalami kenaikan harga akibat spekulasi atau kesan kenaikan harga minyak ; dan
- (b) berapakah jumlah pihak yang telah diambil tindakan kerana melanggar undang undang berkaitan harga barang dan nyatakan bentuk tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tidak dapat dinafikan terdapat peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan berikutan spekulasi dan kenaikan harga minyak. Walau bagaimanapun, KPDNKK melalui Pegawai-pegawai Penguatkuasanya seramai 1,900 dan Pegawai-pegawai Pemantau Harga seramai 1,300 orang sentiasa membuat pemantauan sepanjang masa bagi memastikan harga stabil dan mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga yang tidak beretika mengambil kesempatan menaikkan harga barang.

Bagi tempoh 1 Januari sehingga 28 Februari 2011 sebanyak 173 tindakan kes telah diambil yang melibatkan 25 kes pemborong dan 148 kes peruncit. Bentuk tindakan yang diambil adalah tawaran kompaun dan rampasan barangan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN BUKAN LISAN PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]

SOALAN

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah yang diambil mengatasi masalah banjir di kawasan penting seluruh negara:-

- (a) Perancangan, langkah yang sedang, telah dan akan diambil ekoran perubahan cuaca dan rupa bumi bagi mengatasi bencana banjir; dan
- (b) Bilakah Projek Tebatan Banjir Daerah Lenggong akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa memantau perubahan iklim/cuaca yang dialami sekarang memandangkan fenomena ini berpotensi untuk membawa pelbagai implikasi termasuk dari segi kekerapan kejadian banjir serta kesan kepada infrastruktur banjir sedia ada.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah merangka Dasar Perubahan Iklim Negara sebagai satu panduan bagi negara dalam usaha-usahanya menangani isu perubahan iklim. Dasar ini digubal bagi mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan dalam mengambil tindakan menangani isu perubahan iklim.

Dalam hubungan ini, kajian-kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) menghasilkan data tentang perubahan iklim dan cuaca terutama kadar dan intensiti hujan. Hasil kajian ini digunakan dalam perancangan dan penyediaan rekabentuk projek-projek tebatan banjir.

lanya juga digunakan sebagai input kepada Program Adaptasi di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara bagi mengurangkan impak perubahan iklim.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Tebatan Banjir Daerah Lenggong pada dasarnya telah bermula pada tahun 2010. Akibat dari masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan Lenggong, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak telah melaksanakan beberapa langkah penyelesaian jangka pendek dengan kos sebanyak RM 620,000.00. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- i. Mengorek dan mendalamkan Sg Neruk dari Lubuk Kawah ke hulu, Lenggong;
- ii. Mengorek Sungai Rambai dan pembinaan ban Sungai Sira di Lenggong;
- iii. Membersih, mengorek dan mendalamkan Sungai Temelong di Kampung Gua Badak, Lenggong;
- iv. Kerja menaiktaraf dan pemasangan 'box culvert' serta kerja-kerja berkaitan untuk mencegah banjir di Kampung Temelung, Lenggong; dan
- v. Membersih, memcuci dan membuang halangan di Sungai Neruk, Lenggong.

Selain itu, di bawah peruntukan Negeri, pihak JPS Negeri Perak telah melaksanakan kerja tebatan banjir di Daerah Lenggong dengan kos RM 740,000.00. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Pembaikan tebing Sungai Temelong di Daerah Kecil Lenggong;
- ii. Pemasangan Box Culvert untuk mengalihkan aliran anak sungai Lenggong serta lain-lain kerja berkaitan di Kampong Batu Pecah, Lenggong;
- iii. Pemasangan Box Culvert untuk mengalihkan aliran anak sungai Lenggong serta lain-lain kerja berkaitan di Kampong Ulu Lenggong, Lenggong;
- iv. Penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Neruk bermula dari kampung Bor ke hulu di Kampung Batu Dinding, Lenggong; dan
- v. Pemasangan pam bergerak serta kerja berkaitan di Sungai

Lenggong, Pekan Lenggong.

Sebagai penyelesaian jangka panjang, satu kajian telah siap dilaksanakan pada 30 November 2010 oleh JPS Negeri Perak. Berdasarkan kepada hasil kajian ini, sebanyak RM 65 juta diperlukan untuk melaksanakan langkah-langkah jangka panjang dalam usaha mengatasi masalah banjir secara menyeluruh di Daerah Kecil Lenggong.

Susulan daripada kajian tersebut, pihak JPS Negeri akan melantik juruukur tanah pada tahun ini bagi menentukan keluasan pengambilan balik tanah. Dalam masa yang sama, Pihak JPS Negeri juga sedang merancang langkah-langkah untuk tempoh jangka sederhana dalam usaha mengatasi masalah banjir di Daerah Kecil Lenggong. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Membina satu Kolam takungan banjir di tadahan Sungai Sira Rambutan;
- ii. Lencongan Sg Lenggong di Kg Temelong; dan
- iii. Menaiktaraf Parit Remba hingga ke lencongan Kg Temelong.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH

[LENGGONG]

SOALAN :

DATO* SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [LENGGONG] minta

PERDANA MENTERI menyatakan

(a) pencapaian selepas penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman Malaysia berbanding sebelum ini; dan

(b) jelaskan pandangan pihak antarabangsa apabila Kerajaan telah membuat menubuhkan kedua-dua suruhanjaya tersebut dan kesannya kepada Kerajaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Y.B, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) amat agresif dan proaktif dalam membanteras jenayah rasuah tanpa mengira kedudukan individu yang disiasat atau fahaman politik mereka. Usaha Kerajaan memerangi rasuah dilaksanakan dengan penuh komitmen dan terancang melalui penguatkuasaan undang-undang secara efektif dan aktiviti pencegahan yang menyeluruh. Keberkesanan SPRM seperti yang telah dilaporkan oleh media massa dan media elektronik baru-baru ini melalui aktiviti operasi siasatan dengan melumpuhkan kegiatan bersindiket antaranya kes pembalakan haram, penyeludupan pasir, dan aktiviti penyelewengan diesel subsidi yang mana kegiatan ini jika dibiarkan boleh menjejaskan ekonomi negara dan menjejaskan alam sekitar.

Pencapaian dan keberkesanan SPRM juga dapat dilihat apabila pada tahun 2009 seramai 500 orang telah ditangkap dan 176 orang telah dituduh di seluruh negeri di Malaysia. Jumlah tersebut telah meningkat pada tahun 2010 kepada 941 tangkapan dan 369 pertuduhan. Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan tindakan agresif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan SPRM bagi membanteras jenayah tersebut dan membuktikan komitmen Kerajaan dalam memerangi jenayah tersebut dari terus berleluasa.

Berhubung Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) yang ditubuhkan pada 2 Februari 2009, tatacara pemilihan dan pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan menjadi lebih jelas dan telus berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) iaitu:

- (i) Integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (ii) Objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadimoral yang tinggi;
- (iii) Ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (iv) Kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
- (v) Kesihatan fizikal dan mental.

Sehubungan dengan ini, SPK juga telah memperincikan kriteria tersebut dengan lebih jelas berlandaskan kepentingan awam.

Pemilihan dan pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan adalah berdasarkan merit dan mengambilkira keperluan untuk menggalakkan kepelbagaian dalam lingkungan kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam badan kehakiman.

Oleh yang demikian, hakim-hakim mahkamah atasan yang dilantik adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar layak dan berkualiti. Untuk tujuan ketelusan, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa nama-nama calon yang dikemukakan telah mendapat pandangan Majlis Peguam dan Jabatan Peguam Negara. Setakat ini tiada aduan yang diterima oleh SPK atau Kerajaan mengenai calon-calon yang dilantik.

(b) Berdasarkan pemerhatian oleh Transparency International (TI) melalui Barometer Rasuah Global (GCB) pada tahun 2009 menunjukkan hanya 28 % masyarakat Malaysia merasakan tindakan Kerajaan memerangi rasuah adalah efektif berbanding dengan 48% pada tahun 2010. Peningkatan hampir sekali ganda tersebut menunjukkan dasar, program dan usaha yang dilaksanakan Kerajaan amnya mendapat sokongan dan mengubah persepsi negatif masyarakat.

GCB juga menunjukkan peratusan golongan yang menganggap usaha Kerajaan tidak berkesan menurun daripada 67% pada tahun 2009 kepada 20% pada tahun 2010. Ini jelas menggambarkan masyarakat kini lebih positif terhadap keberkesanan Kerajaan dalam usaha memerangi rasuah.

Peratusan pembayar rasuah juga telah menurun sejak 12 bulan lalu kepada hanya 9% sama seperti peratusan yang diperolehi oleh negara Singapura dan Jepun. Peratusan ini jauh lebih rendah daripada purata global yang menunjukkan 25% individu di beberapa negara lain memberi rasuah.

Pencapaian-pencapaian yang digambarkan oleh GCB adalah petanda positif terhadap semua usaha dan inisiatif dalam memerangi rasuah. Kesan daripada penubuhan SPRM menampakkan keberkesanan dan kesungguhan Kerajaan dalam membanteras jenayah rasuah. Manakala penubuhan SPK pula dapat meningkatkan integriti institusi badan kehakiman bagi memenuhi inspirasi rakyat untuk melihat ketelusan dan keadilan dalam sistem kehakiman di negara ini. Ini secara tidak langsung telah dapat meningkatkan imej Kerajaan di mata rakyat dan juga di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS TAHUN 2011**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SHAMSUL
ANUAR BIN NASARAH
(LENGGONG)**

TARIKH

SOALAN

127

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan:

- a) Isu bekalan air bersih kampung bukit Sapi, Kg. Chepor, Kg. Luat, Kg. Beng dan Kg. Batu ring dalam kawasan Parlimen Lenggong. Apakah langkah Kementerian menyelesaikan masalah ini; dan

Status jalan daripada Kampung Talong Luat, Lenggong ke Kampung Batu Ring Lenggong serta jalan fasa III Kampung Bukit Sapi/ Kampung Chepor/ Kampung Chepor/ Kampung Luat / Kampung Beng ke Kampung Intan Suraya (Sungai Siput).

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Y.B. Dato', di bawah Bidang

JAWAPAN

Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Tahun 2011 dan 2012, di Parlimen Lenggong Kementerian merancang untuk melaksanakan 8 buah projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dengan anggaran kos berjumlah RM1.23 juta. Pelaksanaan projek-projek ini dijangka akan dapat memberi manfaat kepada 94 buah rumah di Parlimen Lenggong.

Untuk makluman Y.B. Dato' juga, projek bekalan air Kg. Bukit Sapi telah tersenarai di bawah NKRA dan status terkini sedang diperingkat penyediaan rekabentuk terperinci dan penentuan spesifikasi bersama dengan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Bagi

kampung-kampung selebihnya, Kementerian mengambil maklum dan akan menyelaraskannya di bawah '*2nd rolling plan*' RMK-10 untuk pelaksanaan.

- b) Untuk makluman Y.B. Dato', Kementerian telah membuat perolehan bagi melaksanakan projek naik taraf jalan Kg. Talong Luat ke Kg. Beng - Kg. Batu Ring, Lenggong, Hulu Perak. Pelaksanaan projek ini akan bermula pada bulan April 2011 dan dijangka siap pada bulan November 2011.

Untuk makluman Y.B. Dato' juga, projek fasa III jalan Kampung Bukit Sapi/ Kampung Chepor/ Kampung Chepor/ Kampung Luat / Kampung Beng ke Kampung Intan Suraya (Sungai Siput) disenaraikan di bawah projek JALB Kementerian. Pelaksanaan jalan ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 6.0km, berdasarkan piawaian R3 dan 2 unit jambatan

dengan anggaran kos berjumlah RM58.0 juta. Status terkini, rekabentuk telah selesai dan Kementerian akan memohon siling daripada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE) JPM bagi pelaksanaannya di bawah RMKIO *second rolling plan* tahun 2013.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS,
PEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN :BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN
NASARAH (LENGGONG)**

TARIKH :

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan
Wilayah menyatakan :**

- a) Usaha terbaru Kementerian meningkatkan pencapaian MARA ;
 - b) Status mengenai pembinaan GIATMARA Lenggong yang telah dilakukan Pecah Tanah Pembinaannya pada 2004 ;dan
 - c) Apakah kedudukan, masalah dan punca kelewatan projek Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) Lenggong.
- Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha telah dirangka dan diambil untuk menjadikan MARA sebuah organisasi yang berkesan, berprestasi tinggi dan cemerlang. Di antara langkah terbaru yang telah diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:-

Pertama : Kecemerlangan Pendidikan

Menambahbaikkan Sektor Pendidikan MARA melalui

JAWAPAN (a)

kajian yang lebih mendalam dengan tujuan untuk menjana bakat cemerlang, membina intelektual, emosi, kerohanian, mental dan fizikal. Penjana bakat cemerlang ini adalah melibatkan para pelajar dan tenaga pendidik serta individu di peringkat pengurusan sektor pendidikan MARA.

Kedua: Program Latihan Kemahiran

Merangka satu sistem latihan kemahiran yang bersifat holistik agar pelajar yang dilahirkan bukan sekadar berjaya mendapat pekerjaan tetapi juga mampu menjadi seorang usahawan yang berjaya. Justeru itu, kolej-kolej baru yang akan diwujudkan akan menekankan aspek tersebut di samping melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang boleh memenuhi kehendak pasaran. Sebagai contoh, GIATMARA telah melatih seramai 191,928 pelajar (1986 sehingga 2010) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) seramai 111,058 pelajar (1986 sehingga 2010).

Ketiaa: Pembangunan Usahawan dan Enterprise

MARA telah memberi latihan dan bimbingan kepada seramai 649,720 usahawan (1986 sehingga 2010).

Selain itu, MARA turut menyediakan ruang-ruang perniagaan kepada usahawan Bumiputera yang mana kini jumlahnya telah pun mencecah 6,407 lot premis. Usaha-usaha baru yang akan diteruskan termasuklah membimbing usahawan dan bakal usahawan MARA menceburi bidang-bidang baru seperti *petrochemical*,

nanotechnology, biotechnology, neurotechnology dan juga aplikasi *Information, Communication & Technology* (ICT) secara meluas.

Keempat: Meniana Pendapatan Sendiri

Bagi memperkasakan MARA untuk muncul sebagai satu organisasi terulung dan tidak lagi terus selamanya bergantung kepada Kerajaan, pendekatan-pendekatan baru sedang diteliti termasuklah:-

- i. Melaksanakan anjakan paradigma pembangunan program dan strategi mengkomersialkan program- program pilihan;
- ii. memanfaatkan harta MARA dengan merangka strategi pengurusan aset yang berkesan serta memberi nilai tambah dalam pengurusan kewangan MARA; dan
- iii. pengkorporatan dan *outsource* aktiviti-aktiviti MARA yang sesuai seperti aktiviti pengurusan

JAWAPAN (b):

premis dan aktiviti kutipan hutang agar pulangan hasil dapat ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan GIATMARA Lenggong tidak dapat diteruskan kerana permohonan peruntukan dalam *First Rolling Plan* RMKe-10 tidak diluluskan. Walau bagaimanapun, GIATMARA telah mengemukakan permohonan untuk melaksanakan projek tersebut dalam *Second Rolling Plan* RMKe-10 baru-baru ini.
Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh mengenai kelewatan pembinaan projek Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Lenggong, MARA mendapati punca utama kelewatan adalah disebabkan oleh kegagalan pihak kontraktor seperti berikut :

- a) Kontraktor tidak mempunyai perancangan yang baik dalam pengurusan tapak projek;
- b) Kontraktor tidak mematuhi jadual perancangan kerja yang ditetapkan; dan

- c) Kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan menyebabkan terdapatnya kerja-kerja terpaksa dilaksanakan semula.

SOALAN NO. 129

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)

SOALAN

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan pembangunan daerah Padang Terap bagi tahun 2007 sehingga 2010; dan
- (b) apakah senarai projek yang sedang berjalan dan dirancang bagi RMKe-10.

JAWAPAN

- (a) Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dari 2006 sehingga 2010 sebanyak 69 projek pembangunan dengan siling peruntukan berjumlah RM314.2 juta telah dilaksanakan

JAWAPAN (c):

oleh Kerajaan Persekutuan di Parlimen Padang Terap.

- (b) Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sebanyak 16 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan dengan siling

peruntukan sebanyak RM95.5 juta. Butiran maklumat senarai projek yang sedang berjalan dan dirancang bagi RMKe-10 adalah seperti di Lampiran.

SENARAI PROJEK/PROGRAM PEMBANGUNAN RMKe-10 DI KAWASAN PARLIMEN PADANG TERAP

BI L	PARLIMEN	DAERAH		STATUS KEMAJUAN SEMASA
1	Padang Terap	Padang Terap	MEMBINA PAGAR KESELAMATAN JENIS RC WALL DI DURIAN BURUNG, PADANG TERAP, KEDAH	DAHULUI JADUAL
2	Padang Terap	Padang Terap	PEMBINAAN JALAN KESELAMATAN DARI TANDA SEMPADAN 30 HINGGATANDA SEMPADAN 32 DI PADANG TERAP, KEDAH	DAHULUI JADUAL
3	Padang Terap	Padang Terap	INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN) PEDU, KEDAH	DAHULUI JADUAL
4	Padang Terap	Padang Terap	PEROLEHAN PERALATAN PEMBELAJARAN DAN LATIHAN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA PEDU	DALAM PERANCANGAN
5	Padang Terap	Padang Terap	GELANGGANG FUTSAL 1 MALAYSIA - PADANG TERAP	DALAM PERANCANGAN
6	Padang Terap	Padang Terap	8 UNIT JAMBATAN JALAN NAKA / NAMI, PADANG TERAP, KEDAH	IKUT JADUAL
7	Padang Terap	Padang Terap	PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH KEDAH	IKUT JADUAL
8	Padang Terap	Padang Terap	MEMBINA JALAN TRANS ESTERN KEDAH INTERLAND - (PAKEJ A)	IKUT JADUAL
9	Padang Terap	Padang Terap	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS, PENGKALAN TOK PUTIH, PADANG TERAP	IKUT JADUAL
10	Padang Terap	Padang Terap	TAMBAHAN BLOK MAKMAL & X-RAY KLINIK KESIHATAN NAKA, PADANG TERAP	IKUT JADUAL
11	Padang Terap	Padang Terap	MEMBINA BANGUNAN UNIT KECEMASAN, HOSPITAL KUALA NERANG	IKUT JADUAL
12	Padang Terap	Padang Terap	PEMBINAAN TANDAS BARU DI SEKOLAH KEBANGSAAN PERIK DI DAERAH PADANG TERAP, KEDAH	DALAM PERANCANGAN
13	Padang Terap	Padang Terap	CADANGAN PEMBINAAN BENGKEL MATAPELAJARAN VOKASIONAL DI SEKOLAH MENENGAH PADANG TERAP, KUALA NERANG. KEDAH	SIAP SEPENUHNYA
14	Padang Terap	Padang Terap	PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD PEJABAT PELAJARAN DAERAH PADANG TERAP/ PENDANG, KEDAH	DAHULUI JADUAL
15	Padang Terap	Padang Terap	PEMBINAAN KOLEJ KOMUNITI PADANG TERAP	IKUT JADUAL
16	Padang Terap	Padang Terap	PEMBANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR STESEN PENYELIDIKAN GETAH SUNGAI SARI	DALAM PERANCANGAN

NO. SOALAN:

130 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B.Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria
[Padang Terap]

SOALAN

Y.B. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) secara purata berapakah jumlah pengeluaran minyak harian (dalam jumlah tong sehari) yang boleh diakaunkan kepada PETRONAS dan PETRONAS Carigali, serta berapa pula yang diakaunkan kepada syarikat-syarikat lain yang menjadi kontraktor Profit Sharing Contract (PSC); dan
- (b) berapa purata tong minyak yang dieksport ke luar negara pada tahun 2010, dan berapa pula purata tong eksport minyak yang diimport pada tahun 2010.

JAWAPAN

- (a) Secara purata jumlah pengeluaran minyak dan gas di dalam Malaysia pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010 adalah sebanyak 1,631,000 tong sehari. Berdasarkan Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC), jumlah pembahagian adalah seperti berikut:

Syarikat	Jumlah pengeluaran minyak dan gas (tong sehari)
PETRONAS	707,000
PETRONAS Carigali Sdn Bhd	406,000
Syarikat PSC yang lain	518,000
Jumlah keseluruhan	1,631,000

(b) Sepanjang tahun 2010, sebanyak 90 juta tong minyak mentah telah dieksport ke luar negara oleh PETRONAS manakala minyak mentah yang diimport oleh PETRONAS berjumlah 20 juta tong. Di samping itu, terdapat syarikat-syarikat minyak lain di Malaysia yang mengeksport dan mengimport minyak mentah selain PETRONAS.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN MOHD. NASIR
BIN ZAKARIA (PADANG
TERAP)**

TARIKH

SOALAN

minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapakah jumlah peruntukan Program Bantuan Rumah (PBR) dan Baik Pulih (BP) yang diperuntukkan bagi Daerah Padang Terap serta mekanisme permohonan.

~~JAWAPAN~~ Dipertua,

Bagi tahun 2010, sejumlah 45 unit projek bina baru dan 19 unit projek baik pulih rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) ditelah dilaksanakan di Daerah Padang Terap dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM2,361,300. Manakala bagi tahun kewangan 2011, sejumlah RM766,480 telah dicadang untuk diagihkan bagi Daerah Padang Terap untuk membiayai sejumlah 39 projek iaitu melibatkan 14 unit projek bina baru dan 25 unit projek baik pulih. Walau bagaimanapun, agihan sebenar projek- projek PBR tahun 2012 di Daerah ini adalah tertakluk kepada keperluan sebenar yang diperakui oleh Focus Group Daerah/Negeri.

Dari segi mekanisme permohonan, senarai nama pemohon PBR diselaras dan dimuktamadkan terlebih dahulu di peringkat *Focus Group* Pembasminan Daerah sebelum dikemukakan kepada Kementerian ini untuk kelulusan peruntukan. Secara dasarnya, pemohon-pemohon PBR terdiri daripada keluarga miskin dan miskin tegar yang didaftarkan dalam pangkalan data eKasih yang dikawal selia oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

(ICU JPM) atau pemohon baru yang telah disah dan perakukan oleh *Focus Group* Pembasminan Daerah sebagai keluarga miskin atau miskin tegar yang layak dan memerlukan bantuan rumah di bawah PBR.

NO. SOALAN:

132 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria
[Padang Terap]

SOALAN :

Y.B. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) berapa ramai jurutera dan geologist yang berpengalaman lebih daripada 5 tahun yang telah berhenti dari PETRONAS semenjak tahun 2005, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan brain drain ini dapat dikurangkan; dan
- (b) mengapakah PETRONAS masih mengekalkan dasar tidak mahu menawarkan semula jawatan secara kontrak kepada bekas pekerja yang berpengalaman yang berhenti, tetapi sanggup membayar gaji yang tinggi kepada pekerja asing.

JAWAPAN

- (a) Sejalan dengan pertumbuhan pesat aktiviti petroleum di seluruh dunia, kebanyakan syarikat minyak dan gas mengalami kekurangan pekerja mahir terutamanya dari kalangan jurutera yang terlatih. PETRONAS tidak terkecuali di dalam menghadapi cabaran ini yang mana beberapa pekerja mahirnya telah diambil bekerja oleh syarikat minyak dan gas yang lain terutamanya dari syarikat-syarikat yang berpangkalan di Timur Tengah.

Secara purata, peratusan jurutera termasuk ahli geologi PETRONAS yang telah meletak jawatan adalah kurang daripada 2% setiap tahun daripada jumlah kakitangan yang masih lagi berkhidmat. PETRONAS sentiasa memantau peratusan jumlah kakitangan yang berhenti setiap tahun bukan sahaja dari operasi huluhan malah operasi yang lain seperti hiliran dan sebagainya.

PETRONAS juga sentiasa memperkenalkan program dan aktiviti yang boleh membantu untuk mengurangkan peratusan kakitangan yang berhenti, meskipun jumlah peratusan tersebut adalah rendah berbanding dengan purata peratusan sebanyak 5% bagi kakitangan yang berhenti daripada syarikat- syarikat minyak dan gas yang lain di seluruh dunia. Antara program-program atau aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh PETRONAS adalah:

- i. Usaha yang berterusan untuk mengambil jurutera dan ahli geologi daripada kalangan siswazah baru. Pada masa yang sama, PETRONAS juga telah meningkatkan kemahiran jurutera dan ahli geologinya melalui program yang telah dirangka khusus untuk tujuan tersebut;
- ii. Memperkenalkan program budaya kerja hidup seimbang untuk mewujudkan suasana kerja yang lebih kondusif; dan
- iii. Penyelarasan saraan gaji setara dengan saraan gaji yang dibayar oleh syarikat-syarikat minyak dan gas yang lain bagi mengekalkan tahap daya saing. Usaha ini adalah bertujuan untuk mengelakkan jurang perbezaan yang ketara.

PETRONAS masih mengambil bekas pekerjaanya untuk kembali berkhidmat terutama dalam operasi huluhan. Memandangkan jumlah tenaga kerja tempatan yang mahir dalam bidang geologi dan jurutera untuk operasi penggerudian tidak mencukupi untuk menampung kekosongan jawatan yang ada pada masa kini, PETRONAS menawarkan peluang kepada bekas pekerjaanya untuk kembali berkhidmat dan ianya adalah terhad kepada dua bidang tersebut sahaja.

Pemilihan bekas pekerja tersebut juga perlu memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat selain daripada amalan dasar meritokrasi yang diamalkan PETRONAS dalam proses pengambilan pekerja. Di samping itu, pengalaman pekerja-pekerja asing yang diambil secara kontrak untuk jangka masa pendek juga dapat membantu PETRONAS dalam mengisi jawatan yang kosong dan membimbing para jurutera baru di dalam syarikat untuk menguasai kemahiran kritikal. Ini selaras dengan hasrat pihak syarikat untuk meneruskan usaha bagi melatih tenaga kerja tempatan dalam menguasai kemahiran tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]

SOALAN

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP] Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan pembangunan bagi Parlimen Padang Terap untuk tahun 2006 sehingga 2010. Berikan pecahan mengikut peruntukan negeri dan Persekutuan.

JAWAPAN

- (a) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dari tahun 2006 sehingga 2010, sebanyak RM314.20 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan 69 projek pembangunan di dalam Parlimen Padang Terap.**

NO. AUM : 134

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA

[PARIT BUNTAR]

TARIKH :

RUJUKAN : 3546

SOALAN:

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah ada usaha untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 pada seksyen 51 supaya salah seorang pasangan yang memeluk Islam juga boleh memfailkan pembubaran perkahwinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Parit Buntar yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri sedang dalam usaha untuk meminda akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan bagi memastikan akta-akta dan peraturan tersebut bersesuaian dengan situasi dan keadaan semasa masyarakat Malaysia. Antara akta yang dicadangkan untuk dipinda ialah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, Akta 164 termasuk Seksyen 51 akta tersebut.

Seksyen 51(1) memperuntukan bahawa pihak kepada sesuatu perkahwinan yang telah memeluk Islam, pihak yang tidak memeluk Islam boleh membuat petisyen untuk perceraian di mahkamah tinggi. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara telah mencadangkan supaya membenarkan mana-mana pihak kepada perkahwinan tersebut membuat petisyen perceraian di mahkamah tinggi bagi membubarkan perkahwinan mereka.

Berdasarkan semakan di Kementerian, draf cadangan pindaan akta tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan masih dalam pertimbangan dan tindakan jabatan tersebut.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

DARI PADA

SOALAN

BERTULIS

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]

minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan berapakah ternakan ikan
Arowana yang diternak di daerah Kerian.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2010, terdapat seramai 74 pengusaha arowana yang beroperasi di Daerah Kerian, Perak yang mengusahakan sebanyak 5,512 buah kolam. Kolam yang dibina di atas tanah seluas 386 ekar ini dianggarkan melibatkan pelaburan berjumlah RM148 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2009 iaitu peningkatan seramai 64 pengusaha dengan 3,808 buah kolam. Keluasan kawasan pada tahun 2009 hanya seluas

SOALAN NO: 135

273.6 ekar.

NO SOALAN : 136

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJI
 YUSOF RAWA
 (PARIT
 BUNTAR)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan usaha-usaha mempertingkatkan kebajikan perajurit negara yang bersara untuk keperluan hidup yang semakin meningkat.

JAWAPAN:

Mekanisma Kerajaan bagi membantu pesara tentera ialah melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV), Kementerian Pertahanan. Selain dari membayar ganjaran, pencen dan lain-lain faedah persaraan, JHEV turut menyampaikan pelbagai bantuan lain kepada pesara-pesara tentera.

Bagi golongan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang kurang mampu dan memerlukan bantuan termasuk dari golongan Veteran ATM yang tidak berpenden, Skim Kebajikan JHEV menyediakan beberapa jenis bantuan seperti bantuan sara hidup, bantuan sekolah, bantuan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), bantuan peralatan pesakit dan bantuan bencana alam.

Bagi Veteran ATM yang ingin dan mampu bekerja pula, perancangan bagi membantu pesara tentera adalah seperti berikut:

- 1) Sebelum Bersara:
 - a. Sebelum menjalani Latihan Peralihan di Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), bakal pesara akan mengambil ujian *profiling* untuk membantu mereka memilih dan menentukan jenis kemahiran dan kecenderungan supaya memilih kursus yang sesuai.

- 2) **Semasa Menjalani Latihan Peralihan di PERHEBAT:**
 - a. Latihan Peralihan kepada bakal pesara dijalankan untuk memberi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pekerjaan bagi menghadapi cabaran hidup yang baru.
 - b. Latihan Peralihan ini diwajibkan kepada semua bakal pesara mengikut kelayakan masing-masing dan mengambil masa antara 3 hingga 18 bulan.
- 3) **Selepas Persaraan:**
 - a. Mencari dan mencadangkan pekerjaan yang sesuai dengan pesara melalui sesi suai kenal dengan bakal majikan.
 - b. Pesara akan didedahkan dengan peluang-peluang kerjaya yang bersesuaian dengan kemahiran dan kepakaran masing-masing.
 - c. Menyediakan skim bantuan sosio-ekonomi dalam membangunkan usahawan.
- 4) **Bagi semua Veteran ATM termasuklah bagi yang tidak berpencen, berpencen kecil atau tidak boleh bekerja, JHEV mempunyai beberapa skim bantuan kebajikan dan perubatan seperti berikut:**
 - a. Kemudahan Rawatan Perubatan.
 - b. Bantuan peralatan perubatan iaitu manfaat membenarkan tuntutan bayaran bagi pembelian peralatan perubatan.
 - c. Bantuan sara hidup iaitu bantuan kewangan bagi meringankan beban Veteran ATM atau tanggungannya yang kurang mampu.
 - d. Bantuan persekolahan untuk anak-anak Veteran meringankan beban perbelanjaan persekolahan iaitu bantuan kewangan. Jumlah bantuan tahunan bagi sekolah rendah ialah RM 500 sementara bagi sekolah menengah ialah RM 700.

SULIT

- e. Bantuan institusi pengajian tinggi iaitu bantuan kewangan bagi membantu menampung kos kemasukan ke IPTA. Jumlah bantuan bagi peringkat Diploma ialah RM 1000 sementara bagi peringkat Ijazah ialah RM 1500.

SOALAN NO. 137

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN

JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)

TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan usaha- usaha yang dilakukan untuk mengelak wanita dieksploitasikan dalam iklan-iklan untuk kepentingan komersial.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius terhadap tindakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasi wanita dalam iklan-iklan untuk tujuan kepentingan komersial. Perbuatan ini merupakan satu pencabulan hak asasi wanita terutama eksploitasi yang dilakukan ke atas wanita yang tidak mengetahui tentang hak mereka dan mengambil kesempatan ke atas wanita yang menghadapi kesempitan hidup.

Bagi mengekang masalah ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, termasuk mengadakan peruntukan undang-undang dan program peningkatan

kesedaran tentang isu eksploitasi wanita dalam media massa terutama iklan.

Antara undang-undang yang berkuat kuasa ialah **Akta Iklan Lucah 1953** yang bertujuan untuk menyekat apa-apa iklan berunsur lucah dan apa-apa aktiviti berbentuk seks yang boleh menjatuhkan maruah wanita. Di bawah Akta ini juga adalah menjadi satu kesalahan bagi mereka yang melekatkan di mana-mana tempat iklan yang berunsur lucah atau sumbang.

Manakala **Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984** pula memperuntukkan larangan bagi penerbitan yang boleh mendatangkan kemudaratan dari aspek moral atau mengandungi idea-idea yang lucah, mengghairahkan atau yang bertentangan dengan kesopanan awam, nilai-nilai murni, tatasusila masyarakat dan pegangan agama.

Selain itu, **Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia** telah ditubuhkan pada 29 Mac 2001 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Forum Kandungan ini berfungsi sebagai satu biro yang menerima aduan berhubung kandungan media elektronik dan multimedia, termasuk iklan yang menjatuhkan maruah wanita. Bagi iklan yang tidak mematuhi Kod Kandungan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia, tindakan boleh diambil untuk tidak menyiarkan iklan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ahli Forum Kandungan ini terdiri daripada antaranya pengiklan, penyedia perkhidmatan Internet, penyiar dan pertubuhan bukan kerajaan, termasuk wakil Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO).

Isu pemaparan negatif wanita dalam media massa, termasuk dalam iklan adalah merupakan salah satu sektor penting untuk ditangani dalam Pelan Tindakan

Pembangunan Wanita yang diluluskan oleh Kerajaan pada bulan Julai 2009. Pelbagai strategi digariskan dalam Pelan Tindakan tersebut yang perlu dilaksanakan oleh pengamal media, pengiklan dan agensi pelaksana berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan bagi mengelakkan wanita daripada dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu untuk mengaut keuntungan. Antara tindakan yang digariskan ialah meningkatkan kepekaan pihak-pihak berkenaan terhadap isu gender.

Manakala bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan golongan wanita sendiri terhadap isu eksploitasi bagi tujuan komersial, program kesedaran gender dan literasi undang-undang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita. Program ini bertujuan memberi kefahaman kepada golongan wanita mengenai hak mereka dan pentingnya stereotaip gender dan persepsi bahawa wanita adalah pelaris kepada jualan perlu dihapuskan. Kejayaan menangani isu eksploitasi wanita dalam media massa dan iklan banyak bergantung kepada kesedaran dan kepekaan wanita itu sendiri terhadap maruah dan harga diri serta perubahan minda supaya tidak terlalu materialistik. Justeru, menangani isu ini memerlukan usaha yang berterusan serta komitmen dan kesediaan pelbagai pihak terutama pengiklan untuk mengubah perspektif terhadap wanita dan strategi pemasaran barangan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PADA Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]

SOALAN :

DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA minta PERDANA MENTERI menyatakan pentakrifan muallaf dari sudut kedudukan mereka dan adakah tempoh jangka masa seseorang itu bergelar muallaf secara undang-undang yang diperuntukkan di Malaysia.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Muallaf atau orang yang baru memeluk agama Islam telah diberikan tafsiran dari segi undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Sebagai contoh, Seksyen 86 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] memperuntukkan seperti yang berikut:

Saat Masuk Islam

” 86. Seseorang itu masuk Islam dan menjadi seorang Islam sebaik-baik sahaja dia habis mengucap dua kalimah Syahadah dengan syarat bahawa kehendak-kehendak seksyen 85 adalah dipenuhi, dan orang itu hendaklah selepas itu disebut sebagai seorang muallaf.”

Seksyen 85 Akta yang sama memperuntukkan seperti yang berikut:

Kehendak-kehendak Bagi Masuk Islam

” 85. (1) Kehendak-kehendak yang berikut hendaklah dipatuhi bagi kemasukan sah seseorang itu ke dalam agama Islam :

- (a) orang itu mestilah mengucapkan dua kalimah Syahadah dalam bahasa Arab secara jelas yang semunasabahnya jelas;*
- (b) pada masa mengucap dua kalimah Syahadah itu, orang itu mestilah sedar bahawa ia bermakna ”Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad S.A.W. ialah Pesuruh Allah”; dan*
- (c) pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri.*

(2) Seseorang yang tiada dapat bercakap boleh, bagi maksud memenuhi kehendak perenggan (a) subseksyen (1), mengucapkan dua kalimah Syahadah dengan cara isyarat yang menunjukkan makna yang dinyatakan dalam perenggan (b) subseksyen itu. ”

Berhubung tempoh jangka masa seseorang itu bergelar muallaf, dimaklumkan tiada peruntukan undang-undang khusus yang

memperuntukkan tempoh masa bagi seseorang itu disebut sebagai muallaf di Wilayah Persekutuan. Setakat ini, tempoh masa tersebut hanya bersifat pentadbiran sahaja dan dijalankan menurut bidang kuasa jabatan agama Islam Negeri-Negeri.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-69 yang bersidang pada 22 hingga 24 November 2005 telah membincangkan mengenai had tempoh panggilan muallaf dan memutuskan bahawa di dalam Islam tiada sebarang nas yang mewajibkan seseorang yang baru memeluk agama Islam dipanggil sebagai muallaf. Sebutan dan had tempoh panggilan muallaf ini lebih bersifat adat kebiasaan (*Curuf*) semata-mata.

Manakala Negeri Selangor telah menetapkan lima (5) tahun sebagai tempoh seseorang itu dianggap sebagai muallaf dan layak menerima bantuan asnaf zakat daripada Baitul Mai negeri setelah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Dalam hal ini, walaupun tiada peruntukan undang-undang yang sama di Wilayah Persekutuan, seseorang yang disebut sebagai muallaf di bawah Akta 505 layak diberi bantuan asnaf zakat daripada Baitul Mai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan pemberian itu tidak terikat dengan tempoh masa yang tertentu. Walau bagaimanapun, mereka perlu menjalani proses temuduga yang dijalankan dan mematuhi prosedur-prosedur tertentu yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

Sekian, terima kasih

NO. AUM : 139

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
[TENGGARA]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3493

SOALAN:

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah bayi yang dapat diselamatkan dari kegiatan penjualan bayi khususnya operasi KDN yang dijalankan di Lembah Klang, Sarawak dan Johor dan nyatakan sama ada sindiket ini mempunyai rangkaian di luar negara termasuk Singapura.
Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenggara yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak Kerajaan memandang serius jenayah pemerdagangan orang termasuk jenayah pemerdagangan kanak-kanak. Tafsiran kanak-kanak mengikut Akta Antipemerdagangan Orang 2007 adalah seseorang yang di bawah umur lapan betas tahun.

Antara langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah jenayah pemerdagangan kanak-kanak ialah dengan menyediakan satu seksyen khusus bagi jenayah ini di dalam Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Di bawah Seksyen 14 Akta ini, pesalah yang disabitkan dengan kesalahan ini boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga didenda.

Kerajaan turut menguatkuasakan Akta sedia ada yang berkaitan seperti Akta Kanak-Kanak 2000 di samping menjalankan risikan, siasatan dan pertuduhan secara berterusan bagi menangani kegiatan pemerdagangan kanak-kanak ini. Pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan isu pemerdagangan kanak-kanak juga dibuat melalui media massa, seminar, forum dan majlis perbincangan dengan masyarakat.

Berdasarkan rekod statistik yang dilaporkan, sejak tahun 2008 sehingga 31 Januari 2011, sebanyak 29 bayi telah diselamatkan di mana 21 orang bayi yang diselamatkan adalah dari Lembah Klang, 8 orang bayi dari Sarawak manakala Johor pula tiada kes yang dicatatkan setakat ini.

Pihak Polis juga masih belum menerima sebarang maklumat mengenai kes-kes yang melibatkan rangkaian sindiket di luar negara mengenai kes pemerdagangan orang.

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ. B(TULIS)/(8)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
(TENGGARA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 - 07.04.2011

Datuk Halimah binti Mohd Sadique (Tenggara) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pinjaman yang telah disalurkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) kepada usahawan Bumiputera dalam usaha meningkatkan daya saing khususnya dalam sektor peruncitan dan pemborongan Skim Prosper Runcit, Skim Pemborong Prosper, Skim Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Skim Prosper Siswazah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2010 PUNB telah meluluskan pinjaman berjumlah RM1,271.39 juta iaitu melibatkan 3,227 bilangan usahawan daripada 4 skim yang telah ditawarkan oleh PUNB iaitu Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS), Pemborong PROSPER, PROSPER Runcit dan PROSPER Siswazah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak

|

RM 1,059.53 juta dana pinjaman telah disalurkan melibatkan 2,887 bilangan usahawan dari seluruh negara.

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

**DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
[TENGGARA]**

SOALAN

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA] minta MENTERI

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh manakah cadangan menggunakan teknologi insinerator bagi menggantikan kaedah pelupusan sampah untuk mengatasi masalah pengurusan sampah dan bahan buangan yang semakin meruncing di seluruh negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang membina 5 buah loji mini insinerator di pulau-pulau peranginan dan tanah tinggi yang menjadi tumpuan pelancong. Penggunaan insinerator di lokasi-lokasi tersebut adalah disebabkan faktor-faktor seperti ketiadaan tanah untuk dijadikan tapak pelupusan dan kaedah mengangkut sisa pepejal dari kawasan pulau ke tanah besar yang tidak sesuai dan mencemar alam sekitar.

Namun, selain projek-projek yang dinyatakan di atas, Kerajaan masih dalam proses mengkaji dan meneliti cadangan membina beberapa buah loji insinerator di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menghasilkan jumlah sisa pepejal yang melebihi 500 tan/hari dan mempunyai keluasan tanah

serta zon penampungan yang mencukupi untuk pembinaan sedemikian. Sungguhpun demikian, kemudahan tapak pelupusan sanitari masih diperlukan untuk melupuskan sisa pembakaran "*bottom ash*" yang dihasilkan daripada insinerator.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

DATUK HALIMAH MOHD SADIQUE

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan langkah yang diambil Kerajaan bagi mengatasi masalah FELDA yang sukar untuk memperluaskan tanah rancangannya di seluruh Negara berikutan sikap kebanyakan Kerajaan Negeri yang enggan menawarkan tanah untuk dibangunkan bagi tujuan penempatan peneroka baru dan membasmi kemiskinan.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telah mengambil keputusan tidak lagi mengambil peneroka baru diseluruh Negara mulai 1 Januari 1990. Sebagai gantinya, tanah-tanah yang telah dibangunkan oleh FELDA dan belum menempatkan peneroka dijadikan ladang komersial. Ia bertujuan untuk menanggung kos operasi rancangan berpeneroka setelah Kerajaan mengambil keputusan menghentikan peruntukan kepada FELDA.

Bagi tanah-tanah yang belum dimajukan, FELDA telah diminta memulangkan semula tanah-tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama FELDA mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri memajukan tanah tersebut sekiranya diminta oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini, tiada Kerajaan Negeri yang menawarkan tanah kepada FELDA kerana Kerajaan Negeri mempunyai perancangan sendiri membangunkan tanah-tanah tersebut. Dalam usaha mengatasi masalah tanah-tanah, FELDA telah mengenal pasti lot-lot kosong yang sesuai untuk diagihkan kepada generasi baru. Kerajaan Negeri Johor telah pun meluluskan sebahagian daripada lot-lot kosong tersebut kepada generasi baru, manakala Kerajaan Negeri Sembilan dan Pahang dijangka mengambil langkah yang sama menguntukkan lot kosong kepada generasi baru.

Dalam usaha membantu generasi baru, FELDA turut mengambil langkah dengan mengadakan projek perumahan untuk warga FELDA. Sehingga ini, sebanyak 2,100 unit rumah telah siap dibina dan sebanyak 2,600 unit sedang dalam pembinaan dan perancangan.

SOALAN 143

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**BUKAN LISAN
Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD**

SADIQUE [TENGGARA]

SOALAN

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan :

Jumlah syarikat pelancongan yang telah didaftarkan terkini dan nyatakan jumlah syarikat pelancongan yang telah melanggar peraturan mengikut Akta Industri Pelancongan 1992 sepanjang tahun 2010 serta nyatakan tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN

Sehingga 31 Disember 2010, Kementerian ini telah mendaftarkan sebanyak 3733 syarikat pelancongan. Manakala syarikat pelancongan yang melanggar peraturan mengikut Akta Industri Pelancongan 1992 sepanjang tahun 2010 adalah sebanyak 63 kes. Antara kesalahan yang sering dilakukan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 adalah beroperasi tanpa lesen, tidak menggunakan kenderaan pelancongan, membuka cawangan tanpa kebenaran dan berniaga di luar bidang yang diluluskan.

Kementerian ini juga telah mengambil tindakan ke atas agensi pelancongan yang melanggar peraturan seperti mengenakan kompaun, membatalkan pelancongan dan termasuk mendakwa agensi pelancongan di mahkamah. Dari 2008, mengikut rekod sebanyak 4 syarikat telah didakwa di mahkamah kesalahan dengan denda di antara RM2,500.00

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

hingga RM4,500.00 setiap kesalahan.

JAWAPAN

RT 16/
N o^I
44

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan keberkesanan program J-QAF (Jawi, Quran, Arab, Fardu Ain) yang dijadikan mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli yang Berhormat,

j-QAF merupakan satu program pengukuhan Pendidikan Islam yang dilaksanakan secara berterusan sejak tahun 2005. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan kajian yang bertujuan untuk melihat keberkesanan program tersebut. Hasil kajian tersebut menunjukkan penguasaan murid-murid yang mengikuti program j-QAF adalah memberangsangkan. Pencapaian murid-murid dalam program j-QAF adalah seperti berikut:

Jawi	92.12%
Quran	99.1%
Bahasa Arab	84.71%
Bestari Solat	99.39%

PERTANYAAN

BERTULIS

SOALAN NO. (145)

DARIPADA

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada pembahagian zon atau bangunan perumahan tinggi dibuat tanpa mengambil kira kesan terhadap perumahan yang sedia ada serta jalan masuk (*access road*) ke kawasan-kawasan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa untuk membahagi dan mengezonkan sesuatu kawasan adalah terletak pada Pihak Berkuasa negeri berdasarkan Rancangan Tempatan yang disediakan. Rancangan Tempatan yang disediakan untuk tempoh 15 hingga 20 tahun ini akan memerincikan penggunaan tanah termasuk penetapan atau mengezonkan sesuatu kawasan sebagai kawasan perumahan, dalam sesebuah Daerah atau kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dengan mengambilkira potensi dan kesan-kesan dari sudut sosial, ekonomi, fizikal dan alam sekitar. Rancangan ini juga telah menetapkan hierarki dan rangkaian jalan raya bagi keseluruhan kawasan di dalam sesebuah daerah sama ada di kawasan pembangunan sedia ada mahupun di kawasan-kawasan yang masih belum dibangunkan. Oleh yang demikian, Kementerian saya yakin Pihak Berkuasa Negeri yang meluluskan sebarang pembangunan perumahan akan mengambil kira kesan terhadap perumahan sedia ada, termasuk kesan kepada jalan masuk satu-satu kawasan perumahan. Sebagai rujukan dan panduan kepada setiap Pihak Bekuasa

Negari yang meluluskan pembangunan perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut menggubal Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Khusus berkaitan Pembangunan Perumahan, yang menggariskan secara terperinci keperluan sistem dan rangkaian jalan raya yang perlu dipatuhi oleh pemaju yang ingin membangunkan perumahan bertanah dan bertingkat.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

NO.SOALAN : 146

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI]

TARIKH

SOALAN:

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai pelajar-pelajar tajaan JPA yang telah menamatkan pengajian di luar negara dan tidak pulang untuk memenuhi syarat

berkhidmat dengan Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di- Pertua,

Bagi tahun 2008-2010, seramai 84 pelajar tajaan JPA yang telah menamatkan pengajian di luar Negara dan tidak pulang melapor diri untuk memenuhi syarat berkhidmat dengan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI]

SOALAN:

TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil dalam menangani masalah penghijrahan keluar pakar-pakar dan profesional Malaysia atau brain drain yang kian meruncing.

JAWAPAN:

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan dengan mandat untuk

mencapai objektif tersebut.

TalentCorp telah menggariskan tiga pendekatan yang mendokong cita-cita Program Transformasi Ekonomi. Pertama, menganalisa isu-isu berkaitan dengan diaspora Malaysia dan mengenal pasti mekanisme yang boleh digunakan untuk mengoptimumkan kepakaran mereka walau di manapun mereka berada. Kedua, kaedah untuk memfasilitasi proses kemasukan pakar asing yang berkemahiran tinggi untuk bekerja dan tinggal di Malaysia serta menyumbang ke arah pembangunan negara. Ketiga, cara-cara untuk mengurangkan aliran keluar modal insan dari Malaysia. Selain itu, pelbagai program untuk mencungkil dan membangun bakat tempatan yang berpotensi juga sedang diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif polisi baru seperti penyediaan Pas Residen, pemansuhan keperluan understudy dan mengiklankan jawatan eksekutif, serta kelonggaran kepada pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat swasta yang lain sebagai membayar balik tempoh kontrak menjadi pemangkin ke arah penghasilan talent pool yang diperlukan. Salah satu program sedia ada, Program Pakar (Returning Expert Program - REP) sedang dinilai dan ditambahbaik dari segi insentif dan mekanisme pelaksanaan.

TalentCorp akan bekerjasama dengan semua pihak berkaitan, termasuk awam dan swasta dalam menyumbang ke arah usaha pewujudan modal insan berkepakaran yang diperlukan untuk memacu ekonomi negara ke arah pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri

[Bagan Serai]

SOALAN

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri

[Bagan Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN**

INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

- a) berapa ramaikah mangsa penipuan dalam Skim Pelaburan Pertanian sepanjang tahun 2010; dan
- b) nyatakan jenis pelaburan dan bilangan syarikat penganjurannya.

JAWAPAN

Oleh **Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mempunyai

maklumat mengenai jumlah mangsa penipuan dalam Skim Pelaburan Pertanian sepanjang tahun 2010. Namun, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terdapat 145 orang mangsa yang membuat aduan dengan SSM pada tempoh tersebut.

- (b) Jenis pelaburan yang dilaporkan adalah berkaitan:
- i. penanaman vanilla, cili, cendawan, bio organic food dan pokok jarak;
 - ii. ternakan kambing dan sarang burung walit; serta
 - iii. ternakan lintah, ikan arowana, ikan keli, ikan patin, talapia dan ketam

Kes penipuan ini melibatkan 11 perniagaan dan 34 syarikat yang diadaftarkan.

SOALAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

**TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN **149**

Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kaedah penswastaan 'saman ekor' jalanraya yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, Kerajaan belum menswastakan 'saman ekor' yang merupakan notis POL 170A. Notis ini dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) terhadap pemilik-pemilik kenderaan yang melanggar peraturan lalu lintas seperti memandu melebihi had laju.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
SOALAN: [SHAH ALAM]

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian menerima apa-apa aduan dari rakyat berhubung perniagaan Telco dan Pos yang didakwa mereka sebagai satu penipuan. Sekiranya ada, berapakah jumlah aduan dan apakah hasil siasatan Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian tidak menerima apa-apa aduan dari rakyat berhubung perniagaan Telco dan Pos Sdn Bhd.

Walau bagaimanapun Kementerian ada mendapat maklum balas mengenai isu berbangkit berkaitan perkhidmatan Telco & Post Sdn Bhd yang dikatakan mengelirukan orang ramai.

Telco & Post adalah sebuah jenama runcitan yang dimiliki sepenuhnya oleh Inteleca Group Berhad (IGB). Kerjasama di antara Pos Malaysia dan IGB telah dimeterai pada 10 April 2009 bagi membolehkan cawangan Telco &

Post menawarkan perkhidmatan kurier domestik dan antarabangsa melalui PosLaju. Ini bertujuan meningkatkan capaian menerusi rangkaian Telco & Post Sdn Bhd untuk menembusi lebih banyak pasaran bagi PosLaju.

Namun demikian, kerjasama ini telah ditamatkan mulai 23 Ogos 2010 kerana syarikat tersebut telah melanggar terma kontrak. IGB didapati telah memberikan hak bagi menyediakan perkhidmatan PosLaju kepada pihak ketiga iaitu KL Trade Consortium tanpa persetujuan daripada Pos Malaysia.

Selain itu, Telco & Post juga telah menggunakan logo dan jenama "PosLaju" tanpa kebenaran yang sah daripada Pos Malaysia. Perkara ini menimbulkan kekeliruan orang ramai yang beranggapan perniagaan Telco & Post berkait rapat dengan Pos Malaysia sebagai pembekal tunggal perkhidmatan pos di Malaysia.

- Telco & Post Sdn. Bhd. merupakan jenama runcitan yang dimiliki sepenuhnya oleh Inteleca Group Berhad (IGB).
- Pos Malaysia dan Telco & Post melalui IGB hanya menjalin kerjasama dengan melantik syarikat tersebut sebagai agen PosLaju, perkhidmatan kurier nasional, sama sebagaimana kerjasama dengan agen lain seperti Mail Boxes dan lain-lainnya.
- Kerjasama antara Pos Malaysia Berhad dan IGB membolehkan cawangan Telco & Post yang tertentu untuk menawarkan perkhidmatan kurier (domestik dan Antarabangsa) di bawah jenama PosLaju.
- Kerjasama tersebut tidak merangkumi perkhidmatan lain seperti

pembayaran bil, JPJ dan ASNB, pelbagai perkhidmatan lain yang biasanya ditawarkan di cawangan-cawangan Pos Malaysia.

- Kerjasama tersebut juga tidak membenarkan Telco & Post untuk menggunakan jenama PosLaju tanpa keizinan Pos Malaysia.
- Kerjasama antara Pos Malaysia Berhad dan Telco & Post telah ditamatkan mulai 23 Ogos 2010.
- Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Telco & Post
 - Produk pos dan Kurier melalui PosLaju dan penjualan Pos Ekspres dan setem
 - Perkhidmatan kewangan seperti permohonan pinjaman peribadi Al Rajhi dan permohonan kad debit dan kredit Ambank
 - Perkhidmatan syarikat telekomunikasi dan selular bagi permohonan jalur lebar Celcom atau Streamyx, Celcom Pasca Bayar, Talian Telekom bagi kediaman dan
- Pembayaran bil di Cawangan yang terpilih
- Perkhidmatan dokumen seperti fotokopi, 'laminating', menjilid, dan perkhidmatan lain berkaitan dokumen di cawangan terpilih
- Perkhidmatan Media untuk periklanan perniagaan, produk dan perkhidmatan dengan saluran Media Prima Berhad.

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]

SOALAN

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah pihak

Kementerian menerima apa-apa aduan berhubung pemaju yang bertindak menjual rumah secara 'pelaburan', menjanji akan membayar ansuran bulanan setiap pembeli dan menjualkan rumah bagi pihaknya setelah rumah selesai dibina.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga April 2011, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima dua (2) aduan berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kedua-dua aduan tersebut telahpun diambil tindakan oleh KPKT bersama-sama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan, iaitu Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

SOALAN:

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) tahap pendapatan isi rumah golongan berpendapatan rendah di kawasan Tanjong Piai; dan
- (b) usaha-usaha yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan golongan tersebut tidak terpinggir dan ketinggalan dalam rancangan Model Baru

Ekonomi.

JAWAPAN:

(a) Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, asas penganggaran pendapatan purata isi rumah bagi Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) menggunakan reka bentuk pensampelan yang mengambilkira aspek *representativeness* dan *reliability* di peringkat nasional, negeri dan strata (iaitu kawasan bandar dan luar bandar). Dengan maksud lain, statistik daripada HIS tidak mencerminkan maklumat yang *reliable* mengikut kawasan yang lebih kecil. Sehubungan ini berdasarkan HIS 2009, pendapatan kasar bulanan isi rumah purata bagi kumpulan isi rumah 40% terendah di negeri Johor adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata bagi kumpulan isi rumah 40% terendah di negeri Johor

Kawasan	Pendapatan purata isi rumah (RM)
Johor	1,524
Bandar	1,546
Luar Bandar	1,488

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah sedang dan akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan tahap pendapatan golongan berpendapatan rendah selaras dengan matlamat Model Ekonomi Baru untuk meningkatkan pendapatan rakyat secara keseluruhan. Ini termasuklah melalui pelaksanaan program-program penjanaaan pendapatan seperti program membangunkan perniagaan kecil menerusi bantuan kredit mikro, khidmat nasihat

dan latihan keusahawanan serta pembinaan gerai niaga. Tumpuan akan turut diberikan kepada program pendidikan dan latihan kemahiran bagi meningkatkan kapasiti dan *employability* untuk meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan. Hub pekerjaan akan diwujudkan bagi menyediakan bimbingan kerjaya dan mengendali program penempatan kerja di kawasan yang mana peluang pekerjaan adalah terhad. Selain daripada itu, akses kepada peluang pendidikan yang lebih saksama akan diberikan kepada kanak-kanak dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah. Ini termasuklah perluasan program IAsrama dan peningkatan akses kepada kemudahan pembiayaan termasuk bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) seperti elaun, biasiswa, makanan tambahan, pakaian seragam serta yuran tuisyen dan pengangkutan. Kerajaan juga akan terus melaksanakan pelbagai program lain seperti program bantuan rumah dan saham amanah di samping meningkatkan akses kepada kemudahan-kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti serta ameniti sosial bagi meningkatkan kualiti hidup.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA **DATUK WEE JECK SENG N0.153**
SOALAN

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan**

- (a) jumlah hutang yang telah dikutip dalam tabung PTPTN dalam 5 tahun yang lalu; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil sekiranya peminjam-peminjam enggan menjelaskan hutang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN yang diterima dari tahun 2006 hingga 2010 adalah sebanyak RM2.026 juta.

PTPTN sentiasa berusaha bagi memastikan prestasi bayaran balik pinjaman dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Antara tindakan-tindakan yang bagi kepada peminjam adalah seperti berikut:

- i. Mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam yang ingkar membuat bayaran balik atau memberikan maklumbalas;
- ii. Mengeluarkan surat tuntutan tunggakan bayaran kepada peminjam yang tidak membuat bayaran mengikut jadual;
- iii. Mengeluarkan Surat Peringatan Terakhir, *Letter Of Demand* (LOD) dan Saman;
- iv. Mengambil tindakan saman kepada peminjam ingkar sekiranya tiada bayaran/maklumbalas diterima setelah surat tuntutan (LOD) dikeluarkan; dan
- v. Menyengaraihitam peminjam ingkar dengan pihak Jabatan Imigresen bagi menghalang mereka keluar negara.

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG

KAWASAN : TANJONG PIAI

SOALAN:

Y.B. DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kesesakan laluan lebuhraya terutamanya pada musim perayaan.

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan jalan raya, khususnya semasa musim perayaan tertentu di negara ini. Ia berikutan dari peningkatan jumlah aliran trafik yang tinggi berbanding dari kebiasaan, disebabkan pengguna mengambil peluang untuk keluar secara serentak pada sesuatu masa, khususnya pada musim perayaan atau cuti persekolahan.

Sehubungan itu beberapa strategi dan langkah proaktif telah diambil oleh Kementerian Kerja Raya bertujuan bagi memastikan para pengguna dapat menikmati perjalanan yang lebih lancar dan selesa semasa tempoh tersebut. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kementerian ini menerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan kerjasama dari agensi-agensi lain yang berkaitan ialah seperti berikut:

- (1) Mengeluarkan jadual tempoh perjalanan sebagai panduan kepada pengguna untuk merancang masa perjalanan mereka;
- (2) Meningkatkan fasiliti dan tahap kemudahan di kawasan Rehat dan Rawat (RstR);
- (3) Mengarahkan syarikat-syarikat konsesi untuk menghentikan kerja-kerja pembinaan atau naik taraf lebuhraya semasa

tempoh tersebut;

- (4) Mengehadkan kenderaan-kenderaan berat dari menggunakan lebuh raya untuk tempoh hari tertentu semasa musim perayaan;
- (5) Menambah bilangan petugas dan kakitangan di plaza tol di samping mewujudkan sistem kutipan tol berlapis bagi memastikan kelancaran transaksi tol;
- (6) Menggalakkan pengguna menggunakan sistem bayaran secara elektronik (Touch sc Go dan SmartTag) di plaza-plaza tol;
- (7) Membuat hebahan mengenai cadangan penggunaan jalan alternatif kepada pengguna menerusi media massa dan papan-papan tanda elektronik;
- (8) Melaksanakan sistem laluan kontra (*contra-flow*) dan penggunaan lorong kecemasan di lokasi-lokasi tertentu lebuh raya; dan
- (9) Bekerjasama dengan pihak penguatkuasaan seperti Polis Trafik dan Jabatan Pengangkutan jalan bagi memastikan aspek penguatkuasaan undang-undang di lebuh raya sentiasa dipatuhi.

Sekian. Terima kasih.

- 2.9 juta orang pada 2009, kepada 2.3 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan bawah RM1.000 (penurunan sebanyak 600,000 orang)

- 3.7 juta orang pada 2009, kepada 4.7 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM1.000 hingga RM2.000 (peningkatan sebanyak 1 juta orang)
- 3.3 juta orang pada 2009, kepada 4.6 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM2.000 hingga RM4,000 (peningkatan sebanyak 1.3 juta orang)
- 1.3 juta orang pada 2009, kepada 2.8 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM4,000 hingga RM7,000 (peningkatan sebanyak 1.6 juta orang)

**NO. AUM : 155
NO.AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARI PAD A DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

TARIKH

RUJUKAN 3495

SO ALAN:

Dato' Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah pihak PDRM bercadang untuk meletakkan balai polis bergerak atau pondok polis sementara di kawasan Parlimen Tanjong Piai.

JAWAPAN

Justifikasi untuk menempatkan sebuah balai polis bergerak / pondok bit di kawasan Tanjung Piai, Permas, Pontian

1. Jumlah populasi penduduk di kawasan Tanjung Piai

- 1.1. Penduduk lebih kurang 600 orang**
- 1.2. Jumlah rumah kediaman 120 buah**
- 1.3. Bangsa majoriti Melayu**

2. Trend jenayah kawasan Tanjung Piai (Tahun 2009 hingga 22 Februari 2011)

- Trend jenayah bagi Balai Polis Permas keseluruhannya untuk tahun 2009 - 22/2/2011 ialah sebanyak 74 kes tetapi bagi kawasan Tanjung Piai tiada kejadian jenayah dilaporkan sepanjang tahun kajian.**

3. Keperluan untuk menempatkan sebuah balai polis bergerak / pondok bit (justifikasi)

- Tanjung Piai adalah sebuah perkampungan nelayan persisiran pantai yang terletak di bawah pentadbiran Balai Polis Permas. Bahagian Selatan Tanjung Piai bersempadan dengan Singapura dipisahkan oleh Selat Tebrau, Bahagian Barat bersempadan dengan perairan kepulauan Karimun, Indonesia dipisahkan oleh Selat**

Melaka. Majoriti penduduk terdiri daripada bangsa Melayu dan bekerja sebagai nelayan, bekerja sendiri dan sebahagian kecil kakitangan kerajaan/swasta. Tanjung Piai merupakan kawasan tumpuan pelancongan di mana kedudukannya di penghujung tanah besar Benua Asia terdapat sebuah resort dengan kemudahan 45 buah bilik penginapan dan resort ini juga menyediakan makanan laut serta dua buah dewan besar yang lengkap sesuai bagi kursus/seminar. Disamping itu juga terdapat lima buah 'homestay' bagi yang ingin merasakan suasana kehidupan dan budaya masyarakat Tanjung Piai.

3.4. Justifikasi untuk menempatkan balai polis bergerak

- 3.4.1. Untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan pelancong**
- 3.4.2. Memudahkan masyarakat membuat pengaduan dan menyalurkan maklumat kepada pihak polis**
- 3.4.3. Masyarakat merasa selamat dan selesa dengan adanya balai polis bergerak di kawasan mereka**
- 3.4.4. Rondaan Motorsikal sebulan : 120 jam
Rondaan MPV sebulan : 120 jam
Jumlah setahun : 2880 jam**
- 3.4.5. Jarak Tanjung Piai ke Balai Polis Permas:7 km**
- 3.4.6. Jarak Tanjung Piai ke IPD Pontian :27 km**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

**BUKAN
LISAN**

DARIPADA

DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

SOALAN

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk menangani masalah peningkatan pesat bilangan remaja yang diisytihar muflis sejak kebelakangan ini.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ.
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan andaian golongan remaja ini merujuk kepada mereka yang berusia di bawah 25 tahun ke bawah, bilangan yang muflis hanya melibatkan jumlah yang kecil sahaja dan tidak menunjukkan peningkatan yang pesat. Rekod Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan bagi tempoh 2005 hingga 2010 terdapat seramai 90,898 individu yang muflis dan daripada jumlah tersebut hanya 1,211 (1.33%) individu yang muflis terdiri daripada mereka yang berusia di bawah 25 tahun. Pecahan bilangan kes remaja yang muflis mengikut tahun ditunjukkan seperti berikut:

2005	12
2006	23
2007	11
2008	12
2009	30
2010	30

Bagaimanapun, Kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha untuk menangani masalah remaja yang diisytihar muflis. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan melibatkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi serta hebahan melalui media cetak dan media elektronik juga dibuat bagi memberi maklumat mengenai kebangkrapan supaya golongan remaja sedar akan kesan dan akibat menjadi bankrap. Kesedaran ini sedikit sebanyak akan membantu golongan remaja ini lebih berhati-hati dan lebih berhemah dalam urusan kewangan.

Sekian. Terima kasih.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
E SIK]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA PERTANYAAN

BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam usaha menarik pelajar cemerlang memasuki bidang perkhidmatan pendidikan (Guru), Kementerian telah menjanjikan skim gaji yang lebih baik untuk lepasan pelajar cemerlang tajaan Kementerian yang menyertai skim PPC ke luar negara. Apakah skim ini diabaikan yang menyebabkan pelajar-pelajar ini dimasukkan dalam skim perkhidmatan yang sama dengan pelajar-pelajar lain.

JAWAPAN

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah memperuntukkan skim perkhidmatan yang bersesuaian bagi setiap jenis perkhidmatan awam di negara ini. Setiap penjawat awam akan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang ada di dalam skim perkhidmatan masing-masing. Dalam hal ini, skim bagi perkhidmatan pendidikan (guru) adalah Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma dan Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Ijazah.

Pelajar yang tamat program Program Pelajar Cemerlang (PPC) akan ditempatkan mengikut kesesuaian dan dibayar emolumen mengikut kelayakan yang telah ditetapkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 mengenai Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan yang

menjelaskan mengenai penetapan matagaji PPPS berdasarkan kelayakan Ijazah Sarjana Muda tertentu dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2007 bertajuk Perubahan Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Lepas Diploma yang menetapkan mengenai penetapan mata gaji mengikut Gred PPPLD.

Kementerian juga sedang merancang pelajar yang telah bergraduat dengan cemerlang melalui program ini dicadangkan untuk berkhidmat di Kolej Matrikulasi, dan Institut Pendidikan Guru di bawah skim Pensyarah Muda.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
[SIK]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA PERTANYAAN

BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan negara telah 53 tahun mencapai kemerdekaan tetapi sehingga sekarang masalah kekurangan guru masih belum dapat diatasi. Kementerian gagal membuat jangkaan (projection) yang tepat mengenai keperluan guru mengikut matapelajaran. IPT masih gagal mengeluarkan tenaga guru mengikut opsyen diperlukan, sampai bila perkara ini akan dapat diatasi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari masalah kekurangan guru masih berlaku sama ada di sekolah rendah ataupun menengah. KPM mendapati antara faktor penyebab berlakunya kekurangan guru dan kesukaran mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- i. Calon guru pelatih menolak tawaran memasuki kursus perguruan atau

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

- memberhentikan pengajian dan ini mengakibatkan unjuran yang telah dibuat sebelum ini tidak dapat dipenuhi. Contoh yang dapat dilihat adalah dalam pengambilan KPLI ambilan Januari 2009, di mana 797 calon telah menolak tawaran dan yang mendaftar hanyalah 8,185 orang. Penolakan ini berlaku kerana terdapat calon yang mendapat pekerjaan lain atau tawaran biasiswa agensi lain seperti JPA, MARA, Petronas atau agensi swasta.
- ii. Calon guru pelatih yang telah menamatkan pengajian perguruan di bawah tajaan KPM telah melanggar kontrak perjanjian dan tidak mahu berkhidmat dengan KPM. Misalnya dalam Program Pelajar Cemerlang, daripada 140 orang yang telah dihantar ke luar negara pada 2003, hanya 73 orang yang tamat pengajian pada 2009 dan berkhidmat dengan KPM.
 - iii. Terdapat kursus perguruan dalam subjek khusus yang ditawarkan mengikut unjuran keperluan didapati tidak mendapat sambutan dari pemohon yang berkecenderungan dalam bidang tersebut

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM membuat unjuran keperluan dan kekurangan guru setelah mengambil kira perletakan jawatan, persaraan, pertukaran dan penempatan baru. Namun, sekiranya masih terdapat kekurangan guru terlatih untuk mengisi kekosongan jawatan di sekolah, dan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas, KPM telah bersetuju untuk mengisi kekosongan ini dengan melantik Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dan pada masa yang sama membuka peluang kepada GSTT yang berkecenderungan untuk dilatih dan diserap sebagai guru terlatih.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
[SIK]

JAWAPAN SOALAN PE RSI DAN GAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA PERTANYAAN

BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan Kementerian selalu bercakap mengenai Profesyen Perguruan bertaraf dunia, Pendidikan yang bersifat global tetapi hakikatnya kehidupan guru makin tertekan. Peluang naik pangkat terhad, gaji guru rendah berbanding bidang lain, kemudahan untuk guru makin berkurang, elaun perkhidmatan amat terhad (elaun kursus, perjalanan dan lain-lain). Sila jelaskan kedudukan ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha ke arah memartabatkan profesion perguruan setaraf dengan negara-negara maju lain di dunia. Dalam hal ini, KPM amat peka terhadap kebajikan para guru dah telah menyediakan 17 jenis laluan kenaikan pangkat kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (guru). Gaji yang disediakan untuk Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan adalah kompetitif dengan lain-lain skim perkhidmatan dalam perkhidmatan awam.

Selain itu, pelbagai jenis kemudahan dan elaun bagi guru juga telah disediakan, yang mana dengan kemudahan dan elaun ini diharapkan dapat membantu mereka mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan di dalam bidang pendidikan. Pada masa ini terdapat 20 jenis elaun yang telah disediakan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang sebahagian besar dari elaun-elaun tertentu tidak dinikmati oleh penjawat awam yang lain.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK

[SIK]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA PERTANYAAN

JAWAPAN SOALAN PE RSI DAN GAN DEWAN RAKYAT

BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan guru-guru J-QAF merungut mengenai peluang pertukaran yang amat sukar diperolehi. Apakah dasar sebenar Kerajaan dalam hal ini, adakah mereka ini mempunyai hak yang sama (mendapat hak pertukaran) seperti kakitangan Kerajaan yang lain atau mereka ini perlu bertugas secara berterusan di sesebuah sekolah yang ditempatkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengambilan guru j-QAF adalah melalui *mode* Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS). Mereka yang berjaya mengikuti program ini akan ditempatkan terus di sekolah dan menerima latihan perguruan di Institut perguruan yang berdekatan selama setahun setengah (18 bulan). Selepas dilatih dan melalui proses-proses tertentu barulah mereka dilantik sebagai guru j-QAF.

Guru-guru j-QAF mempunyai hak yang sama seperti guru-guru lain mahupun kakitangan Kerajaan yang lain. Namun begitu, seperti syarat yang dinyatakan semasa tawaran pengambilan guru j-QAF, mereka tidak dibenarkan bertukar sehinggalah selesai tiga tahun berkhidmat. Guru-guru j-QAF boleh memohon bertukar selepas tiga tahun. Pertimbangan pertukaran adalah seperti prosedur biasa yang bergantung kepada keperluan opsyen dan kekosongan di sesuatu tempat.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik
[Sik]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

JAWAPAN SOALAN PE RSI DAN GAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan Panel Penulisan Semula buku Sejarah Malaysia yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran baru-baru ini. Sila jelaskan status terkini kedudukan Jawatankuasa ini dan sejauh mana langkah-langkah telah diambil untuk memastikan projek penulisan berjalan seperti dirancang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawatankuasa Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah telah diadakan pada 21 Mac 2011. Tujuan mesyuarat tersebut adalah untuk membincangkan beberapa pindaan yang perlu dibuat kepada terma rujukan jawatankuasa tersebut. Selain itu, mesyuarat juga memperincikan tugas berhubung kepakaran penal tersebut.

No. Soalan : 162

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARI PADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L
R.SANTIAGO**

SOALAN

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta PERDANA MENTERI menyatakan rancangan Kerajaan untuk menyambungkan rangkaian MRT dari Kuala Lumpur ke Klang. Dan bilakah pembinaan MRT ke Klang akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan fasa pertama Projek MRT Lembah Kelang dengan jajaran Sungai Buloh- Kajang.

Untuk fasa-fasa seterusnya, kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan sebelum jajaran-jajaran masa depan dapat dikenalpasti

dan pembinaan dapat dimulakan. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat sedang menjalankan kajian ini dalam konteks Pelan Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur/Klang Valley yang juga akan merangkumi kawasan Kelang. Rancangan Pembangunan Rel Bandar (Urban Rail Development Plan), yang merupakan satu komponen Pelan Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur/Klang Valley, akan menentukan koridor-koridor MRT yang akan dibangunkan pada masa depan. Kajian untuk Rancangan Pembangunan Rel Bandar dijangka akan siap pada hujung bulan April 2011.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

Bertulis

Tuan Charles Anthony *AIL R.Santiago*

[Klang]

SOALAN

Tuan Charles Anthony *AIL R.Santiago* [Klang]
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:- rancangan Malaysia
untuk menjamin *food sovereignty* memandangkan
kenaikan harga dan kekurangan makanan dalam
pasaran

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

1. Akibat daripada kenaikan harga minyak serta krisis bekalan makanan yang berlaku pada awal tahun 2008, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) 2008-2010. Program utama DJBM yang telah dilaksanakan termasuklah peningkatan hasil pengeluaran padi, penambahan stok penimbal beras, peningkatan pengeluaran produktiviti melalui Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan ternakan lembu dan kambing, pemberian insentif pengeluaran, pengukuhan pemasaran, program Bumi Hijau, pengurusan tanah dan kolam terbiar serta elaun sara hidup bagi nelayan.

2. Walaupun Kerajaan telah berjaya memastikan penduduk memperolehi bekalan makanan yang mencukupi semasa krisis makanan global pada tahun 2008 melalui pelaksanaan Dasar Jaminan Bekalan Makanan, Kerajaan masih

berhati-hati dengan isu bekalan makanan berdasarkan persekitaran baru di peringkat dunia yang diramal akan menjejaskan pengeluaran makanan dan biodiversiti global iaitu:

- i. peningkatan harga makanan dunia;
- ii. peningkatan harga input pertanian;
- iii. pertambahan penduduk dunia;
- iv. perubahan kepelbagaian diet yang ketara;
- v. peningkatan penggunaan komoditi makanan untuk bioteknologi; dan
- vi. perubahan iklim dunia yang mengakibatkan bencana alam seperti banjir dan kemarau.

3. Dengan mengambil kira senario peringkat global seperti yang telah disebutkan tadi serta Model Baru Ekonomi dan Pelan Transformasi Ekonomi yang diperkenalkan oleh Kerajaan, beberapa strategi telah dirangka di dalam Dasar Agromakan bagi tempoh 2011-2020 untuk menjamin bekalan makanan dalam negara iaitu:

- (i) Meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlots Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- (ii) Membangunkan tanah pertanian akan secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai di kawasan tanaman semula kelapa sawit dan integrasi kelapa sawit dengan ternakan;
- (iii) Membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran;
- (iv) Menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada

pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi seperti *bioproses*, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau;

- (v) Meningkatkan penglibatan pihak swasta akan menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi. Pihak swasta juga digalakkan untuk menubuhkan konsortium atau syarikat peneraju bagi mengendalikan pengeluaran dan pemasaran untuk kumpulan sasaran melalui ladang kontrak dan pakatan strategik; dan
- (vi) Melaksanakan amalan pertanian baik seperti Skim Organik Malaysia (SOM), Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SALM), Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM), Skim Akreditasi Ladang Ternakan (SALT) dan Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) di mana tahap amalannya akan diperluaskan secara menyeluruh. Amalan tersebut penting memandangkan ia berkait rapat dengan makanan selamat di samping menitikberatkan kebajikan pekerja dan hidupan semula jadi.

Dasar Agromakanan ini sedang diselaraskan dengan Dasar Komoditi Industri oleh Unit Perancang Ekonomi sebagai Dasar Pertanian Negara Ke-4.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARI PAD A

TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
[KLANG]

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan strategi Kerajaan melalui Talent Corp untuk membawa balik rakyat Malaysia sebanyak 700 ribu yang kerja di luar negara.

JAWAPAN:

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan rakyat Malaysia bekerja di luar negara. TalentCorp, sebagai penyelaras dan pemangkin untuk memacu inisiatif pengurusan bakat yang inovatif, akan bekerjasama dengan semua pihak yang berkaitan, termasuk rakyat Malaysia yang bekerja di luar Negara ke arah mengoptimumkan kepakaran mereka walau di mana mereka berada.

Inisiatif polisi baru seperti penyediaan Pas Residen akan memberi peluang kepada warganegara Malaysia yang telah melepaskan kewarganegaraan untuk kembali ke Malaysia, bekerja dan seterusnya berada di samping keluarga mereka. Selain itu, kelonggaran kepada pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat swasta sebagai membayar balik tempoh kontrak juga dapat menarik minat pelajar-pelajar Malaysia untuk kembali ke tanah air.

Salah satu program sedia ada, Program Pakar (Returning Expert Program - REP) sedang dinilai dan ditambahbaik dari segi insentif dan mekanisme pelaksanaan supaya modal insan berkepakaran global Malaysia yang berada di

serata dunia akan tertarik untuk kembali ke tanah air.

SOALAN NO: 165

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tugas dan skop Majlis Gaji Minima (Min Wage Council) dan bila Majlis ini akan dibentuk. Dan adakah Majlis ini satu badan bebas

PR-000-T42126

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tugas utama Majlis Konsultasi Gaji Negara (MKGN) ialah membuat deliberasi dan penetapan upah di negara ini. MKGN selain menetapkan kadar dan mekanisme pelaksanaan gaji minimum, turut berperanan mengumpul, menyelidik dan menganalisis data dan maklumat berhubung dengan upah dan petunjuk sosio-ekonomi seterusnya menjalankan kajian menyeluruh berkenaan gaji dan upah di Malaysia serta mengkaji implikasi pelaksanaan gaji minimum di Malaysia.
2. MKGN akan ditubuhkan secara rasmi apabila Akta Majlis Konsultasi Gaji Negara diluluskan oleh Parlimen. Akta berkenaan dijangka dapat dibentangkan pada sesi persidangan parlimen yang akan datang.
3. Komposisi MKGN bersifat *multi-facet*, terdiri daripada rakan *tripatisme*

iaitu wakil pekerja, wakil majikan dan wakil Kerajaan serta individu-individu berkepakaran dalam bidang tertentu seperti ekonomi dan statistik. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Majlis adalah individu berkecuali. Komposisi MKGN telah mengambil kira kepentingan pihak-pihak terbabit dan pada masa yang sama, ~~MEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~ MKGN akan bertindak sebagai satu badan bebas sebagai penasihat kepada Kerajaan dalam menentukan tahap dan skop liputan gaji minimum di Malaysia.

<m(7Mac-7Jiprit 11)/fuis... 22.2.11/Cfuit{e.f142126

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
[KLANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan cadangan Kerajaan untuk membina sekolah SRJT di tapak yang telah di khaskan di Taman Sri Sentosa, Klang oleh Kerajaan negeri Selangor pada tahun 2009.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Dalam hal ini, projek- projek pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk sesuatu kawasan ataupun kewujudan kawasan perumahan baru. Di samping itu, KPM juga terus berusaha ke arah menyatupadukan rakyat melalui pendidikan dengan menubuhkan lebih banyak sekolah kebangsaan bagi semua kaum selari dengan dasar kerajaan memperkasakan sekolah kebangsaan.

Berhubung dengan cadangan pembinaan SJKT di Taman Sri Sentosa, Klang, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan mengkaji dan meneliti keperluan tersebut di samping

mengambil kira keperluan pendidikan secara menyeluruh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN NGA KOR MING

[TAIPING]

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci jumlah kos lawatan luar negeri yang melibatkan Y.A.B. Perdana Menteri, isteri dan Menteri-Menteri mengikut Kementerian masing- masing dari 1 Januari 2008 hingga 7 Februari 2011.

PATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

JAWAPAN: MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kos lawatan luar negeri yang melibatkan Y.A.B. Perdana Menteri, isteri dan Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri dari 1 Januari 2008 hingga 7 Februari 2011 adalah berjumlah RM14,012,220.65 berdasarkan pecahan tahun seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH PERBELANJAAN
2008	1,739,332.85
2009	4,811,837.48
2010	5,140,307.99
2011	2,320,742.33
JUMLAH	14,012,220.65

NO.SOALAN 168

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARI PAD A

TUAN NGA KOR MING

[TAIPING]

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos perbelanjaan yang terlibat untuk pembelian, penyelenggaraan dan penambahbaikan kapal terbang jet rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini YAB Perdana Menteri menggunakan pesawat eksekutif Kerajaan *Airbus Corporate Jetliner A319 (ACJ 319)* sebagai pesawat utama bagi kemudahan beliau menjalankan urusan rasmi di dalam dan di luar negara. Pesawat

NO.SOALAN 168

berkenaan juga digunakan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi urusan rasmi negara.

Untuk tahun 2010, kos penyelenggaraan dan bagi penyediaan kemudahan pesawat eksekutif Kerajaan ACJ 319 berkenaan adalah RM34.985,113.08. Perbelanjaan bagi menampung kos penyelenggaraan ini adalah perlu bagi memastikan pesawat berkenaan berada di tahap yang terbaik dan selamat digunakan. Tambahan pula pesawat berkenaan digunakan oleh VIP yang berprofil tinggi untuk urusan rasmi Kerajaan. Ia juga bagi memenuhi piawaian antarabangsa serta undang-undang semasa yang menetapkan setiap pesawat menjalani penyelenggaraan wajib secara berkala yang telah ditentukan oleh ICAO untuk tujuan memastikan *Airworthiness* pesawat (selamat digunakan untuk tujuan yg telah ditentukan).

Tiada sebarang kos pembelian dan penambahbaikan yang timbul kerana pesawat berkenaan adalah disewa.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING

[TAIPING]

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah kes wabak denggi serta kes kematian akibat wabak tersebut dari tahun 2000 sehingga hari ini 31 Januari 2011 mengikut negeri, jantina dan kaum di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memantau situasi Demam Denggi secara berterusan. Bermula dari tahun 2000, terdapat tren peningkatan kes Demam Denggi yang dilaporkan dari 7,103 kes meningkat kepada 49,335 kes pada tahun 2008. Walaubagaimana pun pada tahun 2009, terdapat penurunan bilangan kes sebanyak 16% iaitu 41,486 kes berbanding pada tahun 2008. Pada tahun 2010 pula, bilangan kes yang dilaporkan telah meningkat semula sebanyak 11% berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 46,171 kes. Namun bagi tahun 2011, bermula dari Januari hingga 5 Mac, jumlah kes yang dilaporkan berkurangan sebanyak 56%, di mana pada tahun ini sebanyak 4,105 kes dilaporkan berbanding dengan 9,423 kes yang dilaporkan untuk tempoh yang sama pada tahun 2010. (Lampiran 1)

Bilangan kes kematian Demam Denggi, juga menunjukkan tren peningkatan dari 45 kes kematian dalam tahun 2000 kepada 112 kematian pada tahun 2008. Bagi tahun 2009, bilangan kes kematian telah menurun kepada 88 kes tetapi meningkat semula kepada 134 kematian pada tahun 2010. Namun bermula dari Januari hingga 5 Mac 2011, bilangan kes kematian Demam Denggi yang dilaporkan menurun sebanyak 74% iaitu 8 kematian berbanding 34 kematian yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun lepas (Lampiran 2).

Taburan kes Demam Denggi mengikut gender tidak menunjukkan perbezaan yang ketara

antara lelaki (55-60%) dan perempuan (40-45%). Begitu juga dengan analisa mengikut etnik, menunjukkan tren yang sama pada setiap tahun iaitu di kalangan kaum Melayu dengan purata 53%, diikuti oleh kaum Cina 26%, India 11%, Bumiputra Sarawak 3%, Bumiputra Sabah 2% dan kaum lain sebanyak 5%. (Lampiran 3).

Lampiran 1

BILANGAN KES DEMAM DENGGI BAGI TAHUN 2000 - 2011 (Januari hingga 5 Mac)

NEGERI/ TAHUN	IBiiBill	MIBiMi	iBiliill	IISH	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011 (sehing ga 5 Mac)
PERLIS	29	157	179	148	398	324	193	311	184	191	215	19
KEDAH	471	590	751	1,278	1,742	1,862	1,907	2,584	1,678	750	782	111
P.PINANG	160	2,288	941	746	1,767	3,527	2,653	3,106	2,324	2,444	1,834	329
PERAK	387	1,391	3,278	4,418	3,108	3,082	2,007	2,889	4,219	2,734	2,288	255
SELANGOR	1,439	3,828	9,385	6,769	9,189	12,705	12,264	15,891	21,262	18,676	16,367	1,439
WPKL/PUTRAJ AYA	494	2,069	6,723	5,629	6,288	5,680	7,804	7,439	5,446	3,746	4,205	291
N.SEMBILAN	765	992	1,574	2,032	1,584	1,379	1,201	1,275	1,405	1,057	1,501	113
MELAKA	104	129	355	632	865	909	957	732	830	769	1,485	111
JOHOR	1,434	2,346	3,952	3,249	3,056	2,974	2,726	3,363	3,908	2,528	4,406	438
PAHANG	390	597	1,299	1,487	1,597	1,823	1,358	2,657	1,327	907	1,688	237
TERENGGANU	125	271	1,176	833	1,103	747	726	1,269	1,721	968	1,472	210
KELANTAN	368	1,007	1,778	2,676	1,682	1,326	2,014	3,503	2,399	1,031	3,578	169
SARAWAK	784	461	994	856	568	1,411	1,821	1,845	1,517	4,490	4,240	258
SABAH	153	242	382	792	930	1,901	911	1,953	1,045	1,170	2,091	121
WP LABUAN	0	0	0	0	18	36	14	29	70	25	19	4
MALAYSIA	ImMII	16,368	32,767	31,545	33,895	39,686	38,556	48,846	49,335	41,486	46,171	4,105

Lampiran 2

BILANGAN KEMATIAN DEMAM DENGGI BAGI TAHUN 2000 - 2011 (Januari hingga 5 Mac)

NEGERI/TAHUN	2000	2001	2002	2003	2004	2005	BH8	111)7	BBbIIMi	2009	2010	2010 (setting; ; g ^a 5 Mac);
PERLIS	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
KEDAH	0	0	0	0	4	0	0	3	0	0	3	•V ,0-A :
P.PINANG	0	0	1	2	1	7	0	4	1	1	7	
PERAK	1	5	12	6	9	9	2	7	9	3	6	^ : 6 'Ui, ^
SELANGOR	3	6	15	21	37	32	36	37	46	48	45	
WPKL/PUTRAJA	1	3	27	8	21	18	22	24	13	9	6	
N.SEMBILAN	8	4	4	4	1	8	2	1	3	6	7	
MELAKA	0	1	0	3	5	6	5	1	2	5	12	
JOHOR	20	12	20	11	5	6	6	6	17	3	12	
PAHANG	0	5	6	4	4	8	3	8	1	2	5	
TERENGGANU	0	2	2	2	0	0	3	2	5	0	3	
KELANTAN	0	4	2	7	7	2	3	1	10	1	11	; 0, /:
SARAWAK	10	1	4	0	1	5	6	0	0	7	14	? ■ 0
SABAH	2	5	6	4	7	6	4	4	2	3	3	
WPLABUAN	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0	0	
MALAYSIA	45	50	99	WWB	102	107	92	98	112	88	134	8 "

Lampiran 3

TABURAN KES DEMAM DENGGI MENGIKUT ETNIK DAN GENDER BAGI TAHUN 2000 -2010

TAHUN		2000		2001		2002		2003		2004		2005	
KES	KES	7103		16368		32767		31545		33895		39686	
	KEMATIAN	45		50		99		72		102		107	
		KES	%	KES	%	KES	%	KES	%	KES	%	KES	%
JANTINA	LELAKI	4203	59.1	9201	56.2	17932	54.7	17681	56.0	20799	61.3	23052	58.0
	PEREMPUAN	2900	40.8	7167	43.7	14835	45.2	13864	43.9	13096	38.6	16634	41.9
	MilglilMiBBai	7103	100.0	HH5	100.0	IB—	100.00	31545	100.0	11118	100.0	■mu	100.0
KAUM	MELAYU	3797	53.4	9716	59.3	20330	62.0	13864	43.9	12588	37.1	22150	55.8
	CINA	1807	25.4	4267	26.0	7807	23.8	10203	32.3	12183	35.9	9056	22.8
	INDIA	605	8.5	1363	8.3	2821	8.6	6509	20.6	6274	18.5	3775	9.5
	BUMI-SABAH	58	0.8	150	0.9	211	0.6	388	1.2	544	1.6	1326	3.3
	BUMI-SARAWAK	430	6.0	315	1.9	526	1.6	455	1.4	370	1.0	925	2.3
	LAIN-LAIN	406	5.7	557	3.4	1072	3.2	126	0.3	1936	5.7	2454	6.1
	TOTAL	7103	100	16368	100.0	32767	100.0	31545	100.0	33895	100.0	39686	100.0

TAHUN		2006		2007		2008		2009		2010		
KES	KES	38556		48846		49335		41486		46171		
	KEMATIAN	92		98		112		88		134		
JANTINA		KES	%	KES	%	KES	%	KES	%	KES	%	
		LELAKI	22412	58.1	28978	59.3	30339	61.5	24870	59.9	26976	58.4
		PEREMPUAN	16144	41.8	19868	40.6	18996	38.5	16616	40.0	19195	41.5
	TOTAL	38556	100.0	48846	100.0	—II	—	an	100.0	46171	100.0	
KAUM	MELAYU	21766	56.4	27218	55.7	27335	55.4	21613	52.1	24500	53.0	
	CINA	9018	23.3	10916	22.3	11427	23.1	10247	24.7	10414	22.5	

INDIA	4007	10.3	4848	9.9	5391	10.9	4132	9.9	4144	8.9
BUMI-SABAH	656	1.7	1515	3.1	812	1.6	815	1.9	1706	3.6
BUMI-SARAWAK	808	2.1	1007	2.0	878	1.7	1995	4.8	2282	4.9
LAIN-LAIN	2301	5.9	3342	6.8	3492	7.0	2684	6.4	3125	6.7
TOTAL	38556	100.0	48846	100.0	49335	100.0	41486	100.0	46171	100.0

MU: 170

SJ.B/(TULIS){10}

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PAD A : TUAN NGA KOR MING (TAIPING)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 - 07.04.2011

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan senarai satu persatu sumbangan PETRONAS kepada Kerajaan Malaysia sejak penubuhannya dari tahun 1974 hingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan PETRONAS kepada Kerajaan Malaysia sejak penubuhannya dari tahun 1974 sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Cukai Langsung (Cukai Pendapatan Syarikat dan Petroleum)	Cukai Tidak Langsung (Duti Eksport) (RM bilion)	Dividen (RM bi(ion))	Royalti (RM bilion)	Jumlah (RM bilion)
1974-2000	60.0	6.4	45,8	14.4	126.6
2001	9.9	1.0	4.1	2.0	17,0
2002	7.5	0.7	4.1	1.7	14.0
2003	8.6	0.8	4.1	2.0	15.5
2004	10.5	1.1	5.1	2.3	19.0
2005	14.3	1.6	9.1	3.1	28.1
Tahun	Cukai Langsung (Cukai Pendapatan Syarikat dan Petroleum)	Cukai Tidak Langsung (Duti Eksport) (RM bilion)	Dividen (RM bilion)	Royalti (RM bilion)	Jumlah (RM bilion)
2006	19.0	2.0	13.0	3.8	37.8
2007	21.8	2.0	16.0	4.3	44.1
2008	26.0	2.1	24.0	4.7	56.8
2009	29.4	2.2	30.0	6.2	67.8
2010	18.7	0.6	30.0	4.2	53.5
Jumlah	225.7	20.5	185.3	48.7	480.2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai jumlah kos untuk menyelenggara bangunan kediaman rasmi **YAB. Perdana Menteri, YAB. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-Menteri** mengikut portfolio masing-masing serta butir terperinci

pengubahsuaian (*renovation*) Seri Perdana baru-baru ini.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos penyelenggaraan bangunan kediaman rasmi YAB. Perdana Menteri, YAB. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri - Menteri di JPM bagi tahun 2010 adalah berjumlah RM3,407,792.30. Pecahan mengikut kediaman dan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

Kediaman	Kos Penyelenggaraan (RM)
Seri Perdana	1,762,408.80
Sri Satria	1,585,383.50
Menteri JPM	60,000.00
JUMLAH	3,407,792.30

Manakala perbelanjaan kerja-kerja pengubahsuaian Kompleks Seri Perdana setakat ini adalah sebanyak RM4.4 juta dengan penumpuan kepada kerja-kerja persediaan pembukaan Kompleks Seri Perdana untuk lawatan orang ramai. Ia adalah selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri menjadikan Kompleks Seri Perdana sebagai salah satu daya

tarikan pelancong ke Putrajaya. Di samping itu, sebagai salah satu simbol institusi Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia yang progresif serta maju, maka sewajarnya Kompleks Seri Perdana dipastikan berada di dalam keadaan terbaik demi menjaga martabat serta imej negara.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARI PADA YB DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Rashid bin Din (Merbok) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah masalah yang dihadapi oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Muda yang menyebabkan pengagihan

SOALAN NO.173

bantuan kebajikan telah lewat dibayar sehingga tertunggak selama dua bulan sejak bulan Disember 2010. Inikah caranya rakyat didahulukan.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat peka dan prihatin terhadap isu kelewatan bayaran bantuan bulanan yang berlaku di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kuala Muda.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sedikit masalah dalam penurunan waran peruntukan tambahan pada penghujung tahun 2010. Walau bagaimanapun masalah tersebut telah dapat diselesaikan dan tindakan segera diambil oleh PKMD Kuala Muda dengan membuat bayaran terus kepada penerima bantuan terbabit. Pihak JKJ telah diminta untuk memastikan perkara tersebut tidak lagi berulang pada masa hadapan.

PERTANYAAN **BUKAN LISAN**

DARIPADA **DATO' RASHID BIN DIN**
[MARBOK]

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah projek-projek kecil yang telah dilaksanakan dengan peruntukan RM1 juta setahun, yang diperuntukkan dibawah ICU melalui Penyelaras Kawasan Parlimen Merbok untuk tahun 2009 dan 2010. Nyatakan tujuan setiap projek yang dilaksanakan, dan sama ada projek itu menepati tujuan yang

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

dirancangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak menyalurkan peruntukan bagi kawasan Parlimen Merbok melalui Penyelaras Parlimen Kawasan Merbok. Walaubagaimanapun, Kerajaan menyediakan peruntukan bagi melaksanakan program/projek kecil di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen berkenaan.

Pada tahun 2009 dan 2010, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM0.75 juta bagi melaksana 74 program/projek kecil di kawasan Parlimen Merbok di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan parlimen berkenaan. Antara program/projek yang diluluskan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kerja-kerja mengorek parit, sungai dan lain-lain projek fizikal;
- ii. Perbekalan peralatan pembinaan;
- iii. Membaiki masjid dan surau;
- iv. Perbekalan peralatan seperti kerusi, meja, penyaman udara, peralatan kenduri dan sebagainya;
- v. Sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) dan sekolah ; dan
- vi. Sumbangan kepada mangsa bencana alam;
- vii. Sumbangan kepada pelajar cemerlang; dan
- viii. Penganjuran aktiviti kemasyarakatan, kursus kejurulatihan dan sebagainya.

Kesemua program/projek yang dilaksanakan tersebut adalah untuk faedah rakyat tempatan dan menepati tujuan yang dirancang.

NO SOALAN: 174

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN: BUKAN LISAN**

DARIPADA : DATO¹ RASHID BIN DIN [MERBOK]

SOALAN:

DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan siasatan **SPRM** berkenaan dengan aduan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli **Majlis MPSPK** kepada **SPRM** pada tahun 2009 berkenaan dengan syak berlakunya penyelewengan di atas projek pembinaan Komplek Pejabat **Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah**.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

NOSOALAN: 174

Untuk makluman YB Merbok, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah ambil maklum perkara ini dan ianya dalam tindakan Suruhanjaya ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

DARIPADA Y.B. DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]

SOALAN

Y.B. DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan dalam semangat 'rakyat didahulukan' berapa lama lagiakah penghuni 640 unit flat transit Paya Nahul harus menunggu untuk dapat 'membeli' rumah yang telah dijanjikan apabila mereka dipaksa berpindah daripada rumah setinggian mereka di kampung-kampung di tepi sungai, Sungai Petani lebih kurang 15 tahun dahulu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 600 unit rumah transit Paya Nahu adalah projek yang dilaksanakan oleh Yayasan Perumahan Rakyat Termiskin dan telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Kedah untuk disewakan kepada rakyat yang layak. Berdasarkan maklumat daripada Bahagian Perumahan, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Kerajaan Negeri Kedah masih dalam proses rundingan

dengan Kementerian Kewangan untuk membolehkan penduduk flat ini membeli unit rumah mereka.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

1^6

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN: BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]

SOALAN :

DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peratus dari harga kontrak, ketirisan (kickbacks) yang berlaku diatas kontrak-kontrak Kerajaan berbanding dengan (hingga) 30 % di negara jiran yang dilaporkan oleh satu Media Perdana berbahasa Inggeris dalam bulan Disember 2010.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah sukar untuk Kerajaan menilai secara tepat jumlah kerugian sebenar wang negara dan ketirisan yang berlaku akibat daripada rasuah. Ini kerana penyiasatan sesuatu kes itu menjurus kepada *ingredient* (dengan izin) kesalahan yang berdasarkan keterangan saksi dan dokumen. Yang penting di sini ialah kerugian akibat rasuah bukan dalam bentuk kewangan semata-mata tetapi merangkumi kerosakan dalam kehidupan kita semua.

Walau bagaimanapun, Kerajaan komited untuk menutup ruang dan peluang jenayah rasuah berlaku dalam perolehan kontrak dan tender Kerajaan serta serius menangani isu ini dan mengambil langkah-langkah pencegahan khususnya dari segi memperketat sistem dan prosedur bagi mengelakkan perkara ini berlaku. Pada 28 Februari 2010, satu Surat Arahan Perbendaharaan telah dikeluarkan yang menghendaki semua Agensi Kerajaan memasukkan klausa pencegahan rasuah dalam semua dokumen tender dan kontrak Kerajaan. Ini diikuti pula dengan inisiatif di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang antara lainnya untuk mengurangkan secara berperingkat amalan surat sokongan yang

NO SOALAN:

kerap digunakan oleh ahli-ahli Politik untuk mempengaruhi dan memintasi dasar serta tatacara standard Kerajaan bagi mendapatkan kontrak sepertimana garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 8 Mac 2010.

Seterusnya pada 1 April, Kerajaan telah mengeluarkan arahan berhubung dengan pelaksanaan *Integrity Pact* (dengan izin) dalam semua perolehan Kerajaan. Pelaksanaan perjanjian integriti itu bertujuan untuk:

- a) mengelak petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah;
- b) mengehendaki petender/penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
- c) memastikan Kerajaan tidak menanggung *unnecessary cost* (dengan izin) dalam pelaksanaan perolehan Kerajaan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA **DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**
 [KOTA RAJA]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan khas Perdana Menteri yang dikeluarkan kepada kawasan Parlimen Kota Raja dan bagaimanakah peruntukan ini telah diguna pakai pada tahun 2008, 2009 dan 2010. Siapakah yang bertanggungjawab menyelaras permohonan untuk peruntukan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2008 hingga 2010 yang lalu, sebanyak **RM1.9 juta** telah dibelanjakan bagi melaksana **237 program/projek** di kawasan Parlimen Kota Raja di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen berkenaan.

Peruntukan ini telah dibelanjakan bagi melaksana pelbagai program/projek seperti berikut:

- i. Perbekalan peralatan seperti khemah, pakaian sukan dan sebagainya;
- ii. Sumbangan kepada ibu tunggal, anak yatim dan orang kurang upaya (OKU);
- iii. Sumbangan kepada mangsa kebakaran;
- iv. Sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) dan sekolah ;
- v. Sambutan perayaan, program kemasyarakatan dan gotong royong; dan
- vi. Penganjuran kursus keusahawanan.

Projek/program yang dilaksanakan tersebut adalah berasaskan kepada permohonan dari pelbagai pihak dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) di kawasan Parlimen berkenaan. Ianya diluluskan oleh Pegawai Kemajuan Negeri (SDO) Selangor berasaskan kepada garis panduan yang telah ditetapkan. Pelaksanaan projek/program tersebut adalah dibuat mengikut peraturan semasa yang ditetapkan dalam Arahan

Perbendaharaan dan peraturan lain berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

[KOTA RAJA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA PERTANYAAN

BERTULIS

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan atau bantuan serta tujuan yang telah dikeluarkan oleh kementerian kepada sekolah-sekolah di dalam kawasan Parlimen Kota Raja mengikut nama sekolah dari tahun 2005 ke 2010.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sebanyak RM33.73 juta (62 projek) untuk pembangunan sekolah-sekolah di Parlimen Kota Raja. Peruntukan tersebut adalah bagi pembinaan sekolah baru, naiktaraf bilik darjah, penyelenggaraan dan baikpulih bumbung, kantin, tandas, perolehan peralatan, perabot dan kemudahan ICT, peralatan sukan, naiktaraf pagar pagar, padang, gelanggang permainan, pam air, lantai pusat sumber, pendawaian elektrik, siling dan mengecat sekolah. Jumlah peruntukan dan bilangan projek bagi tahun 2005 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	2005	2006-2010
Peruntukan	3,900,000 juta	29,827,435 juta
Bil. Projek	5	57

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA PERTANYAAN

BERTULIS

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta Menteri Pelajaran menyatakan perancangan membina sekolah-sekolah baru di dalam kawasan Kota Raja/Klang (bila, lokasi dan jumlah murid untuk setiap satu).

JAWAPAN

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. Dalam membuat perancangan membina sekolah-sekolah baru, KPM memberi keutamaan kepada tiga (3) aspek berikut;

- i. M
memastikan tapak lokasi sekolah adalah bersesuaian;
- ii. Memastikan kemudahan tapak binaan mempunyai kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air dan elektrik; dan
- iii. Membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah-sekolah mengimbangi keperluan penduduk setempat sebagai langkah mengelak daripada menghadapi masalah sekolah kurang murid.

Sehubungan itu, KPM akan meneliti keperluan pembinaan sekolah baru di kawasan yang dibangkitkan dari semasa ke semasa khususnya melalui RMKe-10 ini.

SOALAN NO. 180

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN

JAWAB LISAN

DARI PADA : YB DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

(KOTA RAJA)

TARIKH : 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI PEMBANGUNAN

WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah penerima bantuan JKM dan kategori bantuan dalam kawasan Parlimen Kota Raja pada tahun 2005 ke 2010.

Berapakah pusat PDK yang terletak dalam kawasan Parlimen Kota Raja. **JAWAPAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan skim bantuan kebajikan bagi memenuhi keperluan pelbagai kumpulan sasanya termasuk kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan keluarga miskin.

Jumlah penerima bantuan kebajikan dalam kawasan Parlimen Kota Raja pada tahun 2005 hingga ke tahun 2010 adalah seramai 1656 kes. Daripada jumlah tersebut, 133 kes adalah penerima bagi tahun 2005, 146 kes adalah penerima pada tahun 2006 manakala pada tahun 2007 jumlah penerima adalah seramai 135 kes. Pada tahun 2008 jumlah penerima meningkat kepada 208 kes dan seterusnya kepada 524 kes pada tahun 2009. Pada tahun 2010 pula, jumlah penerima bantuan adalah seramai 510 kes.

Pecahan penerima bantuan JKM mengikut kategori bantuan dalam kawasan Parlimen Kota Raja bagi tahun 2005 hingga 2010 adalah seperti berikut:

JUMLAH PENERIMA BANTUAN DAN PERBELANJAAN PARLIMEN KOTA RAJA MENGIKUT JENIS SKIM BANTUAN BAGI TAHUN 2005-

1010

SKIM	2005		2006		2007		2008		2009		2010	
	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
Bantuan Kanak- Kanak (BKK)	7	1,400	9	2,350	29	8,200	29	8,000	100	35,550	89	22,600
Bantuan Orang Tua (BOT)	21	3,825	5	2,500	17	3,600	29	8,700	161	48,300	100	30,000
Bantuan Anak Pelihara (BAP)					1	250						
Elaun Pekerja Cacat (EPC)	16	4,800	13	4,800	23	6,900	56	16,800	12	33,000	40	12,000
Bantuan Am (BA)	27	4,535	20	3,110	38	4,895	49	6,485	125	22,245	58	11,245
Geran Pelancaran (GP)	5	11,520	1	2,300			1	2,700	4	10,800	2	5,000
Bantuan Bencana	57	9,190	92	76,120	21	18,870	33	14,760	12	11,040	165	58,800
Bantuan Alat Tiruan (BAT)			6	9,060	6	9,860	5	13,924	28	52,368	16	46,980
Bantuan Terlantar							3	4,800	33	9,900	32	9,600

SKIM	2005		2006		2007		2008		2009		2010	
	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
(BPT)												
Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB)							3	450	48	7,200	8	5,850
Bantuan Latihan Perantis (BLP)										250		
Bantuan Sekolah												
JUMLAH	133	35,270	146	100,240	135	52,575	208	76,619	524	230,653	510	202,075

NO. SOALAN:

182 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA Y.B DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes jenayah yang difailkan di peringkat Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi dalam tahun 2010 mengikut pecahan warganegara dan bukan warganegara bagi setiap negeri. Berapakah bilangan kes dalam setiap kategori yang tidak memperoleh perkhidmatan guaman.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Maklumat berkaitan jumlah kes jenayah yang difailkan di peringkat Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi dalam tahun 2010 mengikut pecahan warganegara dan bukan warganegara serta mengikut kategori yang tidak memperolehi perkhidmatan

guaman adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

**JUMLAH KES-KES JENAYAH YANG DIDAFTARKAN SEPANJANG TAHUN 2010
MENGIKUT PECAHAN WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA
SELURUH MALAYSIA**



	Ada Peguam Tiada Peguam		Ada Peguam	Tiada Peguam
TINGGI	628	126	223	26
SESYEN	3466	3343	165	12614
MAJISTRET	19186	72137	2353	12486

NO AUM : 183

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH :

RUJUKAN 3497

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah balai polis di Malaysia mengikut negeri. Berapakah jumlah Balai Polis yang mempunyai tempat tahanan yang telah diwartakan mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah Balai Polis yang mempunyai tempat tahanan mengikut negeri adalah sebanyak 669 buah dan pecahan mengikut negeri adalah

seperti berikut

Perlis (4), Kedah (51), Pulau Pinang (38), Perak (90), Selangor (70), Kuala Lumpur (20), Negeri Sembilan (50), Melaka (42), Johor (75), Pahang (58), Kelantan (38), Terengganu (35), Sabah (48), Sarawak (50).

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada tempat-tempat tahanan yang telah disenaraikan, terdapat sebanyak tujuh (7) buah lokap yang masih belum diwartakan lagi adalah seperti berikut

Lokap Balai Polis Anak Bukit (Kedah), Lokap Balai Polis Bayan Baru (Pulau Pinang), Lokap Berpusat Shah Alam (Selangor), Lokap Balai Polis Banting, Lokap Balai Polis Travers (Kuala Lumpur), Lokap Balai Polis Cenderawasih (Pahang), Lokap Balai Polis Sibujaya

(Sarawak), Lokap Balai Polis Trafik, Miri (Sarawak). Kesemua permohonan untuk mewartakan lokap-lokap tersebut telah dikemukakan kepada pihak Kementerian untuk tindakan Pewartaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARI PADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH

RUJUKAN 3498

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang ditangkap polis pada tahun 2010 mengikut negeri dan berapakah jumlah yang ditahan polis melebihi 24 jam mengikut negeri.

NO AUM : 184

1

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Bagi tempoh sepanjang tahun 2010, jumlah rakyat Malaysia yang ditangkap oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) diseluruh negara adalah berjumlah 209,807 orang manakala jumlah yang ditahan melebihi 24 jam ialah seramai 70,867 orang.

Maklumat terperinci berkaitan jumlah rakyat Malaysia yang ditangkap polis pada tahun 2010 mengikut negeri seperti pertanyaan Yang Berhormat adalah seperti di Lampiran.

LAMPIRAN

**STATISTIK TANGKAPAN RAKYAT MALAYSIA MENGIKUT KONTINJEN 2010
BAGI JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL**

KONTINJEN	TANGKAPAN
PERLIS	60
KEDAH	198
P/PINANG	357
PERAK	326
SELANGOR	619
K/LUMPUR	909
N/SEMBILAN	324
MELAKA	166
JOHOR	451
PAHANG	193
TERENGGANU	101
KELANTAN	97
SABAH	225
SARAWAK	187
JUMLAH	4,213

**STATISTIK TANGKAPAN RAKYAT MALAYSIA YANG DIREMAN
MENGIKUT
KONTINJEN 2010 BAGI JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL**

KONTINJEN	JUMLAH
PERLIS	4
KEDAH	68
P/PI NANG	130
PERAK	71
SELANGOR	187
K/LUMPUR	66
N/SEMBILAN	22
MELAKA	11
JOHOR	170
PAHANG	48
TERENGGANU	10
KELANTAN	14
SABAH	26
SARAWAK	53
JUMLAH	880

**STATISTIK TANGKAPAN RAKYAT MALAYSIA YANG DIREMAN
MENGIKUT**

PERKARA KONTINJEN	JUMLAH YANG DITANGKAP	JUMLAH YANG DITAHAN REMAN
KUALA LUMPUR	4822	14496
SELANGOR	12118	11258
PERAK	3478	6926
PULAU PINANG	3399	11358
KEDAH	3669	1422
PERLIS	411	758
NEGERI SEMBILAN	2052	5378
MELAKA	2025	4114
JOHOR	4669	7939
KELANTAN	2494	945
TERENGGANU	1655	1869
PAHANG	1520	2541
SABAH	2062	645
SARAWAK	3464	338
JUMLAH	47838	69987

**STATISTIK TANGKAPAN RAKYAT MALAYSIA MENGIKUT
KONTIJEN 2010
BAGI JABATAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK**

KONTIJEN	TANGKAPAN
PERLIS	1397
KEDAH	10885
PULAU PINANG	15638
PERAK	13116
SELANGOR	22924
KUALA LUMPUR	19004
NEGERI SEMBILAN	6197
MELAKA	3866
JOHOR	18730
KELANTAN	10150
TERENGGANU	11780
PAHANG	10538
SARAWAK	3875
SABAH	9656
JUMLAH	157,756

PERTANYAAN BERTULIS

DARIPADA Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR
 [SUNGAI SIPUT]

SOALAN NO. (185)

SOALAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR [SUNGAI SIPUT] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan pecahan bilangan rumah yang dibina di Malaysia antara 1/1/2006 dan 31/12/2010 oleh sektor swasta mengikut harga rumah di bawah RM30.000 hingga RM50.000, RM51.000 - RM70,000, RM71,000-RM100,000, RM101,000-RM150,000, RM151,000-RM200,000, RM201,000-RM300,000 dan RM301.000 ke atas.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh 1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2010, sektor swasta telah menyiapkan sebanyak 613,653 unit rumah di seluruh Negara (Semenanjung Malaysia : 551,835 Sabah : 30090 Sarawak: 31728).

Pecahan mengikut harga bagi Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut :

HARGA RUMAH	BIL. UNIT RUMAH	PERATUS
RM 30,000 ke bawah	5,518	1.00%
RM 30,001- RM 50,000	66,984	12.14%
RM 50,001- RM70,000	17,341	3.14%
RM 70,001-RM100,000	88,506	16.04%
RM100.001- RM 150,000	92,125	16.69%
RM150,001-RM200,000	99,117	17.96%
RM200,001-RM300,000	89,958	16.30%
RM300.001 ke atas	92,286	16.72%
JUMLAH	551,835	100.00%

Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2011
PERTANYAAN

DARIPADA

BERTULIS

YB. DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DEVARAJ [SUNGAI
SIPUT]

SOALAN

YB. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan sama ada Kementerian telah mengkaji kaedah memakai cermin dan tangki garam untuk menangkap dan menyimpan kepanasan cahaya matahari supaya menjana kuasa elektrik. Apakah keputusan kajian itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian masih belum melaksanakan kajian terperinci mengenai penggunaan cermin untuk mengumpulkan tenaga termal daripada cahaya matahari atau *Concentrated Solar Power* (CSP) dengan izin dan juga tangki garam untuk penjanaan elektrik di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan CSP paling sesuai dan optima adalah di kawasan yang mempunyai cuaca panas dan kering dan tidak berawan dimana ia mendapat cahaya matahari secara terus (*direct sunlight*) seperti di kawasan gurun.

Jumlah tenaga yang dihasilkan akan berkurangan sekiranya sinaran matahari tiada atau terhalang. Penggunaan tangki garam atau dengan izin, *molten salt* pula adalah lebih kepada kaedah untuk menyimpan tenaga termal daripada cahaya matahari. Ia biasanya di gunakan dengan sistem solar *power tower* bagi membolehkan tenaga termal yang dikumpulkan dapat digunakan untuk menjana elektrik pada waktu malam atau pada hari yang kurang cahaya matahari.

Daripada kajian awal yang dilaksanakan, penggunaan CSP dan *molten salt* adalah

SOALAN NO. 187

kurang sesuai untuk dilaksanakan di negara ini memandangkan cuaca di negara ini panas, lembap dan berawan menyebabkan sinaran cahaya matahari yang diterima adalah *diffused*. Sehubungan itu, penggunaan solar fotovoltik bagi menjana elektrik dilihat lebih sesuai untuk diaplikasikan di negara ini memandangkan ia masih boleh berfungsi dengan baik dalam keadaan cuaca di negara ini.

Walau bagaimanapun Kerajaan akan terus mengkaji kemungkinan untuk teknologi ini dilaksanakan di dalam negara. Penggunaan CSP dan *molten salt* untuk menjana kuasa elektrik akan dikaji dengan lebih mendalam terlebih dahulu sama ada ia sesuai untuk di aplikasikan di negara ini atau tidak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

YB TUAN MANICKAVASAGAM

A/L SUNDARAM

SOALAN:

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah hak-hak asasi serta kepentingan rakyat minoriti dijaga.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penjagaan hak asasi serta kepentingan rakyat Malaysia secara keseluruhan merupakan matlamat utama Kerajaan. Tiada perbezaan dari aspek hak asasi dan kepentingan antara rakyat dstrt)ada kumpulan majoriti

atau minoriti menurut apa-apa kategori atau ras, bangsa dan agama. Malahan, apa yang jelas adalah keprihatinan Kerajaan terhadap semua golongan serta lapisan masyarakat termasuklah golongan orang asli, wanita, orang kurang upaya serta kanak-kanak. Perkara ini lebih jelas dengan adanya konsep Satu Malaysia yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada 3 April 2009. Konsep ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama antara rakyat pelbagai kaum di negara ini tanpa mengira golongan majoriti atau minoriti. Nasib semua golongan ras, bangsa dan agama adalah terbela dan tiada mana-mana pihak yang dipinggirkan.

2. Perkara ini adalah sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan mengenai kebebasan asasi seperti yang berikut:

- Perkara 5 - Kebebasan diri
- Perkara 6 - Keabdian dan kerja paksa dilarang
- Perkara 7 - Perlindungan daripada undang-undang jenayah yang

kuat kuasa ke belakang dan perbicaraan berulang

- **Perkara 8 - Kesamarataan**
- **Perkara 9 - Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak**
- **Perkara 10 - Kebebasan bercakap dan berhimpun**
- **Perkara 11- Kebebasan beragama**
- **Perkara 12 - Hak berkenaan dengan pendidikan**
- **Perkara 13 - Hak terhadap harta.**

3. Selain itu, Perlembagaan Persekutuan turut memperuntukkan hak asasi dan kepentingan golongan lain rakyat Malaysia menurut Fasal (1) Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa “menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.”. Oleh yang demikian, Perlembagaan Persekutuan dengan jelasnya melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak serta pada masa yang sama menjaga kepentingan sah kaum-kaum lain.

4. Di samping itu juga, perundangan telah digubal oleh Dewan Yang

Mulia ini bagi melindungi hak asasi serta kepentingan golongan orang asli, wanita, orang kurang upaya serta kanak-kanak. Perundangan ini digubal supaya hak dan kepentingan golongan tersebut, yang merupakan golongan yang mudah terjejas, dapat dipelihara dan terjamin. Perundangan yang sedia ada adalah seperti yang berikut:

- Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*]
- Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) [*Akta 356*]
- Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949 [*Akta 34*]
- Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 [*Akta 263*]
- Akta Keganasan Rumahtangga 1994 [*Akta 521*]
- Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*]
- Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*].

5. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa hak asasi serta kepentingan semua rakyat Malaysia tanpa mengira ras, bangsa dan agama atau mereka yang merupakan masyarakat majoriti atau minoriti

sentiasa terpelihara dan dilindungi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN MANICKAVASAGAM A/L

SUNDRAM [KAPAR]

TARIKH :

SOALAN:

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan jumlah Pusat Internet Desa di seluruh negara mengikut lokasi masing-masing sambil menerangkan kriteria pemilihan secara terperinci, jumlah peruntukan Kerajaan semenjak tahun 2005 sehingga kini dan jumlah Pusat Internet Desa yang masih beroperasi dan bagaimana Kerajaan memastikan untuk merapatkan jurang digital di kalangan rakyat kawasan ladang selain FELDA.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pusat Internet Desa (PID) telah dibangunkan sejak bulan April 2000 dan sehingga kini sebanyak 42 buah PID telah dibina dan mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2003. Bangunan PID dibina berkembar dengan pejabat pos kecuali PID Bau, Sarawak yang ditempatkan di Dewan Suarah, Pejabat Daerah Bau. Senarai penuh PID seluruh negara adalah seperti di Lampiran A dan maklumat lanjut mengenai PID juga boleh didapati di laman sesawang <http://www.pid.net.my>.

Setiap PID adalah ditadbir oleh warga PID yang terdiri daripada seorang pengurus berkelulusan ijazah dan seorang penolong pengurus berkelulusan diploma. Setakat tahun 2011, jumlah PID yang masih beroperasi adalah sebanyak 40 buah dan 2 buah lagi terpaksa ditutup buat sementara waktu kerana dalam proses menunggu pengganti pengurus dan penolong pengurus yang baru. Secara amnya, kriteria pemilihan lokasi PID ini adalah seperti di Lampiran B.

PID sehingga kini masih kekal sebagai sebuah pusat setempat untuk pembelajaran ICT bertujuan untuk merapatkan jurang digital di antara masyarakat luar bandar dan bandar. Dalam bajet RMKe-9, sebanyak RM7.33 juta telah dibelanjakan untuk tujuan ini.. Pembangunan kapasiti kepada warga PID dan ahli komuniti telah diberikan serta pelaksanaan rintis e-learning, e-perkhidmatan awam, e-perdagangan, PID *Network Hub* dan lain-lain telah

dilaksanakan.

Kerajaan melalui beberapa Kementerian telah mengambil pelbagai pendekatan untuk merapatkan jurang digital di kalangan rakyat, dan

bagi kawasan ladang, selain FELDA, inisiatif ada dilaksanakan di sekolah-sekolah oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.
LAMPIRAN A

SENARAI 42 BUAH PID SELURUH NEGARA

NEGERI	BIL	NAM A PID
Johor	6	<ul style="list-style-type: none">• PID Sg Mati• PID Pagoh• PID Labis• PID Bandar Penawar• PID Bandar Tenggara• PID Seri Medan
Melaka	1	<ul style="list-style-type: none">• PID Tanjung Kling
Negeri Sembilan	3	<ul style="list-style-type: none">• PID Bandar Baru Serting/Jempol• PID Lenggeng• PID Kota
Selangor	6	<ul style="list-style-type: none">• PID Rasa• PID Beranang• PID Sg Pelek• PID Ulu Langat• PID Tanjung Sepat• PID Sungai Air Tawar

Perak	5	<ul style="list-style-type: none"> • PID Tanjung Malim • PID Selama • PID Kuala Kurau • PID Langkap • PID Parit
Kedah	4	<ul style="list-style-type: none"> • PID Bukit Kayu Hitam • PID Yan • PID Kupang • PID Kuala Nerang
Pulau Pinang	2	<ul style="list-style-type: none"> • PID Tasek Gelugor • PID Balik Pulau •
Perlis	1	<ul style="list-style-type: none"> • PID Simpang Empat
Pahang	3	<ul style="list-style-type: none"> • PID Sungai Koyan • PID Bukit Goh • PID Bandar Tun Razak
Terengganu	2	<ul style="list-style-type: none"> • PID Marang • PID Kuala Besut
Kelantan	2	<ul style="list-style-type: none"> • PID Kuala Krai • PID Kuala Balah

Sabah	3	<ul style="list-style-type: none"> • PIDTenom • PID Kota Belud • PID Kota Marudu
Sarawak	4	<ul style="list-style-type: none"> • PID Betong • PID Song • PID Mukah • PID Bail

LAMPIRAN B

KRITERIA PEMILIHAN LOKASI PID

1. Golongan sasaran utama adalah terdiri daripada pelajar, penjawat awam dan usahawan dimana jumlah kapasiti penduduk mencecah 5,000 orang dalam keadaan biasa. Walaubagaimanapun, PID adalah terbuka untuk semua golongan masyarakat namun penggunaannya adalah terhad kepada kanak-kanak kecil. Penekanan turut diberikan kepada kawasan yang mendapat kurang pendedahan ICT;
2. Tiada *telecentre* atau kafe siber yang berdekatan semasa awal penubuhannya.
3. Lokasi yang mudah dikunjungi (bandar kecil) dan terdapat kemudahan pengangkutan awam; dan
4. Mempunyai kemudahan infrastruktur telekomunikasi dan sumber elektrik yang mudah dicapai dan dipasang;

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN MANICKAVASAGAM <i>AIL</i> SUNDRAM [KAPAR]
TARIKH	
RUJUKAN	3499
SOALAN :	

Tuan Manickavasagam *AIL* Sundram [Kapar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapakah pembunuhan dalam tahanan terus terjadi dan kenapakah pihak Kementerian enggan mengambil tindakan tegas terhadap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab yang akan terus menyokong perbuatan keji ini dari terus meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kapar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar sama sekali. Ingin saya maklumkan di sini bahawa sebahagian besar daripada kematian orang tahanan adalah berpunca daripada masalah kesihatan dan pergaduhan sesama banduan. Kes-kes kematian yang disebabkan oleh kekasaran dan salah laku pegawai adalah kecil dan masih lagi terkawal.

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini terdapat hanya tiga kes kematian tahanan dalam lokap yang melibatkan kekasaran atau kecuaiian oleh pihak polis. Tindakan mahkamah dan tatatertib juga telah diambil ke atas anggota yang terlibat. Butiran bagi kes tersebut adalah seperti berikut :

LOKASI	BUTIRAN SI MATI	SEBAB KE MATI AN	SUSPEK	TINDAKAN
PERAK (Bagan Serai)	Nama : Ong Chin Khoon Umur: 45 Tahun Jantina : Lelaki Bangsa : Cina	Gantung diri, kerosakan otak disebabkan tergantung	Dua orang anggota polis	Lucut hak emolomen selama 1 hari gaji disebabkan kecuaian.
JOHOR (Batu Pahat)	Nama Kannan A/L Kanthan Umur: 45 Tahun Bangsa : India	Mati dipukul di dalam lokap, patah tulang rusuk dan luka di kepala	Tujuh orang tahanan lain bersama dua orang anggota polis	Seorang anggota diturunkan pangkat, Seorang lagi anggota polis dan 7 tahanan lain yang terlibat dipenjara selama 6 tahun
SELANGOR (Subang Jaya)	Nama : A.Kugen A/L Ananthan Umur: 23 Tahun Jantina : Lelaki Bangsa : India	Paru-paru berair	Seorang anggota polis	Suspek masih ditahan kerja sehingga kes selesai

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
BUKAN LISAN
TUAN MALASINGAM *A/L* MUTHUKUMARU
[KAPAR]

SOALAN:

Y.B. Tuan Manickavasagam *A/L* Sundaram [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Yayasan yang berfungsi seperti Yayasan Pelaburan Bumiputera dalam usaha meningkatkan ekuiti masyarakat India mencapai tiga peratus. Sekiranya ada, jelaskan bila, pihak yang bertanggungjawab dan matlamatnya. Jika tidak, kenapa.

CADANGAN JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menubuhkan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri bagi mengenalpasti isu dan permasalahan berkaitan pembangunan sosioekonomi masyarakat India selaras dengan matlamat pembangunan negara. Di samping itu, Kerajaan juga menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet bagi mengenalpasti dan memantau penyertaan masyarakat India di dalam program dan projek-projek pembangunan.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Yayasan seperti dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana langkah-langkah yang telah diambil adalah memadai untuk memantau isu-isu pembangunan masyarakat India termasuk dalam aspek ekonomi dan pemilikan ekuiti.

**NO. AUM : 191
NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARI PAD A : TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM
[KAPAR]**

TARIKH

RUJUKAN 3500

SOALAN:

**Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bilangan pemegang MyPR yang
telah dan yang masih belum diluluskan permohonan status
warganegara atau pasport mereka menurut negeri dan kaum.**

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

**Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kapar di atas soalan
tersebut.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah pemegang MyPR yang telah diluluskan permohonan status kewarganegaraan bagi tahun 2010 adalah seramai 9408. Perincian statistik mengikut 5 negeri tertinggi adalah seperti berikut:

- i) Wilayah Persekutuan - 3206;**
- ii) Selangor- 1895;**
- iii) Johor- 1010;**
- iv) Sabah - 895; dan**
- v) Perak-518.**

Dari segi permohonan status kewarganegaraan yang masih dalam tindakan, jumlah permohonan yang terlibat adalah sebanyak 6304 permohonan. Permohonan ini adalah permohonan yang diterima pada tahun 2010. Adalah dimaklumkan bahawa semua permohonan yang diterima sebelum tahun tersebut telah diselesaikan dan dikeluarkan keputusan. Perincian statistik mengikut 5 negeri yang tertinggi adalah seperti berikut:

- i) Wilayah Persekutuan - 2722;**
- ii) Johor - 795;**
- iii) Sabah - 537;**
- iv) Perak - 477; dan**
- v) Selangor - 460.**



Tandatangan

SITI ATIQAH FATIN BT ZAINAL ABIDIN

Disediakan Oleh Jawatan

Penolong Setiausaha 'PP'

No. Telefon Tarikh

Tandatangan



Disemak Oleh

**MAIMON BINTI MD.
YASIN**

Jawatan No.

Timbalan Setiausaha Bahagian 'PP'

Telefon Tarikh

8886 3294

Februari 2011

NO. AUM : 192

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
[PADANG SERAI]**

TARIKH

RUJUKAN 3556

SOALAN:

Tuan Gobal Krishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramaikah
penduduk Semenanjung Malaysia yang berhijrah ke Sabah untuk
program membuka ladang di antara 1955 dan 1975 dan apa
status mereka sekarang.
Tuan Yang Di-Pertua,

JAWAPAN:

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahti Yang Berhormat Padang Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai rekod jumlah penduduk dari Semenanjung Malaysia yang berhijrah ke Sabah untuk program membuka ladang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
[PADANG SERAI]

TARIKH :

RUJUKAN : 3501

SOALAN:

**Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan jumlah kerakyatan baru dari 2000
hingga 2010 mengikut kaum.**

JAWAPAN
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian tidak menyimpan rekod warganegara yang baru mengikut kaum. Namun begitu, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ada menyimpan rekod penganugerahan taraf kewarganegaraan kepada pemohon-pemohon Pemastautin Tetap mengikut negara asal.

Bagi tempoh 2000 hingga tahun 2010 (10 tahun), jumlah penganugerahan taraf kewarganegaraan adalah sebanyak 50,129 orang.

4ii: *m*

SJ.B(TULIS)/(12)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA TUAN GOBALAKRISHNAN A/L
 NAGAPAN (PADANG SERAI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH 07.03.2011 -07.04.2011

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan (Padang Serai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pelaburan Kerajaan dan Swasta dari Malaysia dalam perniagaan pembuatan kereta Lotus serta F1.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaburan Kerajaan dalam pembuatan kereta Lotus adalah melalui pelaburan Proton Holdings Berhad (PROTON) di dalam syarikat Group Lotus PLC (LOTUS) yang dianggarkan berjumlah GBP480 juta. Keputusan itu dibuat berasaskan *business decision* selepas PROTON melaksanakan proses *due diligence*, di samping sebagai langkah strategik setelah mengambil kira potensi dan kedudukan LOTUS yang mempunyai jenama keretanya tersendiri.

2. Sebagai sebuah syarikat automotif, LOTUS bukan sahaja merupakan satu entiti korporat yang menjual kereta *sport*, tetapi juga mempunyai sebuah syarikat kejuruteraan yang menyediakan perkhidmatannya kepada *Original Equipment Manufacturer (OEM)* yang lain. Walau bagaimanapun, identiti syarikat-syarikat berkenaan tidak dapat dimaklumkan memandangkan LOTUS telah mempunyai perjanjian dengan syarikat-syarikat tersebut.

3. Bagi pelaburan dalam sukan F1 pula, bajet tahunan yang disediakan oleh LOTUS adalah dianggarkan di antara GBP15 juta sehingga GBP20 juta setahun. Kedua-dua Lembaga Pengarah PROTON dan LOTUS memastikan bahawa pelaburan yang dibuat seharusnya:

- i) merupakan satu komitmen yang mampu ditanggung**

oleh Kumpulan LOTUS dalam bajet pemasaran syarikat tersebut;

- ii) tidak akan memberi impak negatif kepada kewangan PROTON; dan
- iii) memberi kesan positif kepada keseluruhan Kumpulan PROTON.

4. Manakala, bagi pelaburan Kerajaan dalam sukan F1 pula, ia dibuat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pelaburan ini digunakan untuk membiayai pembinaan infrastruktur sukan berkenaan dan penganjuran kejohanan F1 setiap tahun. Pelaburan tersebut adalah seperti berikut:

Litar Antarabangsa Sepang dibangunkan dengan jumlah kos RM413.46 juta oleh Malaysia Airports Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Malaysia Airports Holding Berhad; penyaluran bantuan sebanyak RM44 juta kepada Sepang International Circuit Sdn Bhd bagi kerja-kerja membaik pulih litar yang kini telah berusia lebih daripada 10 tahun; dan sehingga akhir 2010, RM943.36 juta telah dibelanjakan bagi membiayai penganjuran kejohanan F1 sejak tahun 1999. Kos ini adalah untuk menampung bayaran *promoters rights fee* dan *television rights fee* bagi kejohanan tersebut.

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARI PAD A

TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
[PADANG SERAI]

NO. PERTANYAAN

195

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapakah jumlah kematian yang berlaku di Jalan Simpang Pulai/Kg. Raja, Cameron Highlands mengikut kenderaan serta langkah-langkah untuk mengelak kemalangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai maklumat berhubung jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya bagi semua jenis kenderaan yang berlaku di Jalan Simpang Pulai/Kg. Raja, Cameron Highlands.

Tuan Yang Dipertua,

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), didapati kemalangan jalan raya terjadi disebabkan oleh faktor- faktor seperti berikut:

- (i) kelalaian manusia iaitu sebanyak 66.9%;
- (ii) kerosakan mekanikal kenderaan sebanyak 8.6%; dan

(iii) persekitaran jalan sebanyak 24.5%;

Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengatasi isu kemalangan jalan raya secara keseluruhan dan bukan hanya mengkhususkan di Jalan Simpang Pulai/Kg. Raja, Cameron Highlands sahaja. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) membuat penilaian/auditan keselamatan terhadap jalan-jalan sedia ada dan melakukan kerja-kerja menaiktaraf jalan-jalan yang berisiko;
- (ii) menguatkuasakan peraturan keselamatan antarabangsa iaitu *United Nations Economic Commission For Europe (UNECE) Regulations* yang melibatkan pengukuhan struktur badan bas iaitu R66, untuk pemakaian tali pinggang keledar bagi kenderaan persendirian iaitu R16, untuk peraturan keselamatan tayar yang melibatkan kenderaan persendirian iaitu R30 dan R108 serta untuk peraturan keselamatan tayar yang melibatkan kenderaan perdagangan iaitu R54 dan R109;
- (iii) menguatkuasakan penggunaan kod amalan keselamatan, kesihatan dan persekitaran (*Safety, Health and Environment - SHE*) terhadap pengurusan kenderaan yang melibatkan bas;
- (iv) menjalankan kempen-kempen kesedaran bagi meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya supaya sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas. Selain daripada itu, Kerajaan juga mengambil beberapa langkah yang proaktif dengan menerapkan nilai-nilai yang sihat dan membentuk satu budaya yang selamat di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah melalui pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR); dan
- (v) akan melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan melalui sistem Penguatkuasaan Lalu Lintas Secara Automatik (*Automated Enforcement System - AES*) bagi meningkatkan *Perception Of Being Caught (POBC)* daripada 25 - 45% kepada 95%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)**

SOALAN **196**

Tuan Gobalacrishan a/l Nagapan (Padang Serai) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah **PUSPAKOM** mengenakan undang-undang yang selaras di semua stesen pengujian serta mengeluarkan buku panduan menguji peralatan kenderaan.
Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menetapkan piawaian / arahan semasa dan *Standard Operating Procedure* (SOP) dalam proses pemeriksaan kenderaan. Sehubungan dengan itu, pemeriksaan yang dijalankan oleh pemeriksa kenderaan **PUSPAKOM** yang dilantik di bawah Seksyen 66(F) Akta Pengangkutan Jalan 1987 mempunyai kuasa memeriksa

JAWAPAN

kenderaan mengikut Seksyen 66(E) Akta berkenaan, hendaklah mematuhi piawaian dan SOP yang telah ditetapkan itu. Justeru itu, tidak akan wujud perbezaan dari segi keputusan pemeriksaan keranasemua pemeriksaan yang dijalankan adalah selaras dan berdasarkan kepada piawaian dan SOP sepertimana yang disebutkan di atas.

Selain daripada itu, piawaian pemeriksaan yang digunakan juga adalah setanding dengan piawaian antarabangsa, bahkan peralatan yang digunakan adalah sama seperti peralatan yang digunakan di negara-negara maju di serata dunia. Untuk makluman, PUSPAKOM juga merupakan ahli dalam Jawatankuasa Antarabangsa Pemeriksaan Kenderaan.

SOALAN NO : 197

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIEW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATO' NGEH KOO HAM**
 [BERUAS]

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan tentang keputusan dan jumlah pampasan yang Kerajaan bersetuju hendak dibayar kepada waris Fong Sam Moi (nombor kad pengenalan: 501028-08-3524) yang meninggal dunia di Hospital Manjung pada 2/1/2011 kerana kecuaiian pihak Hospital.

Tuan Yang di-Pertua,

Mendiang Fong Sam Moi, 60 tahun telah dirawat sebagai Viral Fever to rule out Dengue di Hospital Seri Manjung Perak pada 2 Januari 2011. Walau bagaimanapun beliau telah meninggal dunia walaupun telah diberikan rawatan pada hari yang sama.

Kes ini telah dibawa ke Mesyuarat Ex Gratia Mediko legal Kementerian Kesihatan Malaysia pada 18 Februari 2011 dan ahli Jawatankuasa Ex Gratia tersebut telah mempertimbangkan untuk menawarkan pemberian Ex Gratia. Selanjutnya perkara ini telah dipanjangkan ke Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Peguam Negara, Malaysia untuk kelulusan jumlah tawaran ex gratia. Kelulusan tawaran dan jumlah akan ditentukan oleh pihak Jabatan Peguam Negara. Apabila kelulusan telah diperolehi, pihak Kementerian Kesihatan akan berjumpa dengan keluarga mendiang untuk mendapatkan perakuan persetujuan penerimaan jumlah tawaran ex gratia.

SOALAN NO : 198

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIEW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATO' NGEH KOO HAM**

[BERUAS]

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah keputusan dan tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan terhadap kes kecuaiian dan kelalaian yang berlaku ke atas Putri Nursofea Humaira binti Sahmani yang dilahirkan di Hospital Batu Gajah pada 25/09/2010 dan kemudian dirawat di Wad 6C, Hospital Raja Perempuan Bainun Ipoh (nombor pendaftaran: 813814) di mana 2 laporan polis telah dibuat berkenaan kecuaiian dan kelalaian yang berlaku (Batu Gajah Report 003660/10 dan Ipoh Sungai Senam Report 008705/10)

Tuan Yang di-Pertua,

Kes bayi Putri Nursofea Humaira telah disiasat sepenuhnya. Masa kejadian terdapat tiga ibu bersama bayi masing-masing di dalam bilik yang sama. Saksi-saksi ini menyatakan bahawa kepingan siling yang jatuh tidak terkena kepala bayi yang berkenaan. Bayi tersebut telah dirujuk ke Pakar Kanak-Kanak di Hospital Raja Perempuan Bainun Ipoh, dan didapati tiada luka di kepala bayi. Pemeriksaan MRI menunjukkan bahawa tiada perdarahan di dalam otak bayi.

Pihak Kementerian mengakui bahawa semasa bayi tersebut didiscaj daripada hospital, kakitangan yang bertugas tidak memastikan branula dikeluarkan daripada bayi. Walau bagaimanapun, ibubapa bayi tidak membawanya semula ke hospital berkenaan malahan membawa bayi ke klinik swasta pada hari yang sama untuk mengeluarkan branula tersebut.

Pihak Kementerian dimaklumkan bahawa kakitangan yang bertanggungjawab telah diambil tindakan disiplin.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan beberapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah mubaligh untuk tahun 2008, 2009, 2010 & 2011.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah peruntukan pembangunan yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah mubaligh adalah seperti yang berikut:-

Tahun	
2008	6.44 juta
2009	47.29 juta
2010	52.02 juta
Dua Tahun Pertama RMKe-10 (2011-2012) (Dalam proses untuk disalurkan kepada sekolah-sekolah berdasarkan permohonan yang diterima)	70 juta

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah yang diluluskan oleh Kerajaan kepada Sekolah Menengah Methodist Ayer Tawar untuk pembinaan bangunan baru mereka yang baru siap dibina tetapi masih kekurangan dana untuk dibayar kepada kontraktor.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memberi kebenaran kepada sekolah tersebut yang merupakan sekolah bantuan Kerajaan untuk membina bangunan tambahan. Adalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah dan Lembaga Pengurus Sekolah (LPS) membiayai kos pembinaan tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM100,000.00 melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 1 dan 2 kepada sekolah mubaligh tersebut bagi tujuan naiktaraf.

